Kajian epidemiologi menunjukkan bahawa NSSI terjadi kepada lebih kurang 13.0-45.0% daripada remaja dan 4.0% daripada orang dewasa (Klonsky, Oltmanns & Turkheimer 2003). Prevalens pada tahun 2002 pula, kadar mencederakan diri sendiri (membunuh diri dan bukan niat membunuh diri) dalam kalangan remaja yang berumur 15- 16 tahun di United Kingdom adalah 6.9% (Hawton *et al.* 2002) dan 8.0% di Australia (DeLeo & Heller 2004). Menurut Jacobson dan Gould (2007) yang melakukan kajian ulasan sistematik, secara umumnya kira-kira 1.0% - 4.0% orang dewasa dan 13.0% - 23.0% daripada remaja telah dilaporkan pernah terlibat dengan NSSI. Kadar yang lebih tinggi dalam kalangan remaja menunjukkan bahawa sama ada kadar NSSI semakin meningkat atau terdapat laporan yang bias dalam kalangan orang dewasa menyebabkan mereka menafikan sejarah keterlibatan dalam NSSI, atau kedua-duanya (Jacobson & Gould 2007).

Dalam sampel komuniti, 7.7% daripada golongan awal remaja (gred 6-8, n = 508) melaporkan terlibat dalam NSSI dan 13.9% hingga 21.4% daripada pelajar sekolah menengah di bahagian Barat Tengah Amerika Syarikat (gred 9-12, min umur 16) menyatakan pernah terlibat dalam NSSI (Muehlenkamp & Gutierrez 2004). (Rodham & Hawton 2009). Secara umumnya, kajian yang dijalankan oleh Rodham dan Hawton (2009), mencadangkan bahawa sebanyak 13.0% hingga 25.0% golongan remaja dan dewasa awal mempunyai sejarah pernah mencederakan diri. Kajian bersama sampel klinikal juga dikatakan menunjukkan kadar yang tinggi iaitu lebih kurang ~40.0% di salah sebuah hospital di New York (Jacobson, Muehlenkamp, Miller & Turner 2008).

Berhubung dengan aspek jantina dan NSSI pula, beberapa dapatan kajian mencadangkan kadar keterlibatan yang sama dalam NSSI antara remaja lelaki dan perempuan (Hilt, Nock, Lloyd-Richardson & Prinstein 2008; Muehlenkamp & Gutierrez 2004) manakala penyelidikan lain pula menunjukkan bahawa gadis remaja melaporkan kadar NSSI yang lebih tinggi berbanding remaja lelaki (Laye-Gindhu & Schonert-Reichl 2005; Muehlenkamp & Gutierrez 2007; Ross & Heath 2002). Anggaran prevalens seumur hidup mencadangkan 18.0% daripada pelajar sekolah menengah (Muehlenkamp, Claes, Havertape & Plener 2012) dan 12.0% hingga 38.0% daripada pelajar-pelajar kolej (Heath, Toste, Nedecheva, & Charlebois 2008; Whitlock, Eckenrode, & Silverman 2006; Whitlock *et al.* 2011) telah terlibat dalam NSSI.

Sebab-sebab NSSI

NSSI adalah isu kesihatan awam yang serius yang perlu diambil berat dan di beri pertimbangan serius. Penyelidikan tentang faktor-faktor yang meramalkan yang kejadian, sehubungan dengan peningkatan dalam tahun-tahun kebelakangan amat diperlukan (Nock 2010). Dalam kajian yang dijalankan oleh Messer dan Fremouw (2008), mereka mencadangkan bahawa NSSI mungkin memberi kesan terhadap kefungsi-an meregulasi emosi berdasarkan dapatan yang menunjukkan bahawa NSSI didahului oleh perasaan ketegangan, kebimbangan, kemarahan, dan depersonalisasi. Beberapa kajian fungsi NSSI mendapati bahawa peserta sering menggunakan tingkah laku tersebut sebagai mekanisme untuk menghadapi keadaan yang tertekan, dengan mengurangkan emosi yang menyakitkan (iaitu, memberi kesan kepada regulasi) (Gratz *et al.* 2002; Nock & Prinstein 2004; Nock, Prinstein & Sterba 2009).

Pelajar yang terlibat dengan NSSI sering melaporkan masalah yang berkaitan dengan hubungan interpersonal atau beban kerja. Masalah yang paling biasa dilaporkan adalah akademik (52.2%) dan hubungan dengan ahli-ahli keluarga (34.1%), pasangan (29.8%), atau rakan-rakan (29.3%) (Mahadevan *et al.* 2010). Dalam satu kajian di negara Turki, pelajar NSSI melaporkan masalah yang berkaitan dengan pendapatan rendah, hubungan kekeluargaan tidak memuaskan, prestasi sekolah, merokok, alkohol, ubat penenang dan penyalahgunaan inhalan (ubat sedut) (Toprak *et al.* 2011).

Berhubung dengan sifat-sifat psikologi, pelajar kolej dengan NSSI mempunyai gaya kognitif ruminatif dan mempunyai ciri-ciri mementingkan kesempurnaan, seperti kebimbangan terhadap kesilapan atau kritikan ibu bapa, berbanding dengan rakan-rakan yang tidak mencederakan diri sendiri (Hoff & Muehlenkamp 2009). Berhubung dengan strategi daya tindak, pelajar universiti dengan NSSI pula dilaporkan menggunakan daya tindak maladaptif (seperti mengambil alkohol atau ganja untuk meregulasi kesan bahan ini) berbanding dengan rakan-rakan yang tidak mencederakan diri sendiri (Hamza *et al.* 2012).

Nock dan Prinstein (2004) pula telah mencadangkan Four Function Model of NSSI yang menerangkan NSSI dimulakan dan dikekalkan secara automatik dan / atau peneguhan sosial. Peneguhan yang diterima daripada terlibat dalam NSSI mungkin negatif (iaitu, pengurangan keadaan mood negatif atau melarikan diri daripada tuntutan interpersonal) dan / atau positif (iaitu, induksi keadaan mood positif atau memperoleh perhatian interpersonal). Oleh itu, menurut model ini, tujuan utama terlibat dalam NSSI adalah sebagai respon kepada situasi tertekan mungkin untuk mengurangkan kesan negatif, meningkatkan kesan positif dan / atau mempengaruhi interaksi sosial (Nock & Prinstein 2004).

NSSI dan Membunuh Diri

Isu membunuh diri merupakan sebuah isu kesihatan umum di serata dunia tidak mengira budaya. Bunuh diri merupakan punca kematian kedua atau ketiga paling kerap dalam kalangan remaja di Eropah (Kokkevi *et al.* 2012). O' Carroll *et al.* (1996) mendefinisikan bunuh diri sebagai satu perilaku tragik iaitu membunuh diri sendiri dengan sengaja dan tanpa paksaan. Manakala, idea untuk membunuh diri (suicidal thoughts) merujuk kepada pemikiran tentang membunuh atau mencederakan diri. Wasserman *et al.* (2005) turut menyatakan bunuh diri juga adalah punca kematian utama yang keempat dalam kalangan lelaki muda dan punca kematian utama ketiga dalam kalangan perempuan muda berumur 15 sehingga 19 tahun (Sharma *et al.* 2015).

Kebanyakan daripada kes membunuh diri di Malaysia melibatkan mereka yang berusia 24 hingga 44 tahun dengan jumlah kes sebanyak 1156 bermula daripada 2007 sehingga 2010 (Sipalan 2012). Di Malaysia, Kajian Kesihatan dan Morbiditi yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (2008) mendapati bahawa seramai 1288 orang (6.3%) daripada 36,519 orang responden melaporkan mempunyai idea-idea membunuh diri (Aishvarya *et al.* 2014). Menurut data World Health Organization (WHO), kadar bunuh diri di Malaysia pada tahun 2015 adalah sebanyak 6.5 per 100,000 populasi dalam kedua-dua jantina. Hal ini menunjukkan bahawa kadar prevalens dan kecenderungan untuk membunuh diri di Malaysia berada pada tahap yang membimbangkan.

Secara umumnya, terdapat beberapa kajian yang menunjukkan perkaitan antara tingkah laku mencederakan diri dengan membunuh diri. Beberapa kajian menyatakan bahawa individu yang mempunyai sejarah NSSI mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk berfikir dan mencuba membunuh diri (Nock, Joiner, Gordon, Lloyd-Richardson & Prinstein 2006). Bilangan kes membunuh diri dalam kalangan remaja di Malaysia masih lagi terkawal walaupun begitu banyak kes telah dilaporkan di negara Asia yang lain terutamanya Jepun dan Korea (Kim *et al.* 2011).

Namun begitu, motivasi untuk mencederakan diri mungkin berbeza bergantung kepada kaedah atau metod yang digunakan. Sebagai contoh, remaja yang mencederakan diri dengan kaedah meracun diri didapati lebih impulsif dan mempunyai niat membunuh diri lebih tinggi (Rodham *et al.* 2004) dan dilaporkan lebih banyak kemasukan ke hospital (Hawton *et al.* 2003) berbanding mereka yang memotong atau mengelar diri. Terlibat dalam NSSI adalah juga dianggap satu faktor risiko untuk pemikiran dan tingkah laku membunuh diri serta mampu membawa kepada masalah psikopatologi yang lebih serius (Nock, Joiner, Gordon, Lloyd-Richardson & Prinstein 2006). Walaupun NSSI berbeza daripada cubaan bunuh diri, namun mencederakan diri sering dikatakan meningkatkan risiko tingkah

laku membunuh diri (Whitlock *et al.* 2013).

Faktor Psikologikal

Melalui analisis kandungan literatur, didapati terdapat dua (2) faktor psikologikal yang signifikan yang dikaitkan dengan NSSI iaitu pengherotan kognitif dan penghargaan sendiri. Aspek kognisi merupakan salah satu elemen utama dalam psikologi yang melibatkan pemikiran seseorang individu. Penghargaan sendiri pula boleh mencerminkan bagaimana seseorang individu itu menilai diri mereka. Bahagian di bawah ini membincangkan tentang dapatan atau hasil daripada kajian lepas tentang hubungan antara NSSI dengan pengherotan kognitif dan penghargaan sendiri.

NSSI dan Pengherotan Kognitif

Istilah pengherotan kognitif digunakan untuk menggambarkan kepercayaan tidak tepat individu terhadap dirinya seperti menyalahkan diri, mengkritik diri, tidak berdaya dan putus asa dengan memberi sebab yang jelas tentang mengapa kepercayaan-kepercayaan sebegitu boleh diherotkan serta berbeza dengan konteks budaya setempat (Abela, Becker & Conningham-Rather 1984; Rohany Nasir, Zainah Ahmad Zamani, Rozainee Khairudin & Mohammad Rahim Kamaluddin 2016). Aspek kognisi merupakan salah satu elemen utama dalam psikologi yang melibatkan pemikiran seseorang individu. Secara amnya, pengherotan kognitif boleh diertikan sebagai cara berfikir yang tidak tepat dalam menginterpretasi atau memberikan makna kepada perkara yang dialami (Barriga *et al.* 2000; Rohany Nasir, Zainah Ahmad Zamani, Rozainee Khairudin & Mohammad Rahim Kamaluddin 2016).

Seseorang individu yang mempunyai pengherotan kognitif melihat sesebuah objek, orang atau pengalaman dalam cara yang terherot dan berbeza daripada individu yang tiada pengherotan kognitif. Sebagai contoh, individu dengan pengherotan kognitif boleh merasionalkan kelakuannya yang tidak bermoral dan menganggap ianya suatu yang diterima masyarakat dan rasional dalam kehidupan. Menurut Rohany Nasir *et al.* (2016), pengherotan kognitif adalah cara minda meyakinkan kita sesuatu yang tidak benar itu sebagai benar. Fikiran yang tidak tepat ini biasanya digunakan untuk mengukuhkan pemikiran atau emosi negatif dengan memberitahu diri perkara-perkara yang seakan rasional dan tepat, tetapi sebenarnya hanya berkhidmat untuk mengelak seseorang dari berasa teruk tentang dirinya sendiri.

Pengherotan kognitif, serta lain-lain faktor kelemahan kognitif; telah ditunjukkan untuk mendahului dan mengekalkan bentuk psikopatologi yang berbeza (Beck *et al.* 1985). Kesilapan kognitif (contohnya, terlalu mengeneralisasi, kebencanaan, pengabstrakan terpilih) dan triad kognitif

(iaitu, pandangan negatif terhadap diri, dunia, dan masa hadapan) adalah dua (2) jenis pengherotan kognitif yang telah dikaitkan dengan kemurungan dalam kalangan belia (Jacobs *et al.* 2008). Terdapat juga bukti yang menunjukkan bahawa kesilapan kognitif adalah berkaitan dengan kebimbangan di kalangan remaja (Weems *et al.* 2001).

Kajian juga menunjukkan bahawa pengherotan kognitif seperti persepsi gaya atribusi yang negatif, menunjukkan perkaitan yang signifikan dengan NSSI. Sebagai contoh, kajian longitudinal mencadangkan bahawa gaya kognitif yang negatif (kecenderungan untuk menandakan penyebab peristiwa negatif supaya stabil) meramalkan kepada tingkah laku NSSI dalam kalangan remaja (Hankin & Abela 2011). Seterusnya, dalam kalangan remaja yang menghidap kemurungan, mereka yang ingin membunuh diri menunjukkan tahap pengherotan kognitif (contohnya, personalisasi dan pemilihan abstrak) yang lebih tinggi berbanding remaja murung yang tidak ingin membunuh diri (Brent *et al.* 1990).

Menurut Weismore dan Esposito-Smythers (2010), remaja yang mencederakan diri serta menghidap kecelaruan psikiatrik atau mempunyai risiko yang tinggi untuk terlibat dalam tahap permulaan kepada sebarang kecelaruan; menunjukkan kecenderungan yang lebih tinggi untuk mengalami pengherotan kognitif. Sama dengan kecelaruan psikiatri, pengherotan kognitif boleh memainkan peranan penting dalam penglibatan dan penyelenggaraan NSSI. Pengherotan kognitif biasanya berlaku dengan kekerapan yang tinggi dan boleh menjadi sukar untuk dikawal. Dengan peristiwa tingkah laku negatif yang berulang, proses pengherotan pemikiran boleh menjadi lebih stabil dan menyeluruh (Kendall & Dobson 1993).

Belia mungkin lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam tingkah laku daya tindak maladaptif seperti NSSI sebagai satu cara untuk meregulasi atau mengawal kesan negatif (Weismore & Esposito-Smythers 2010). Sememangnya, melarikan diri daripada pemikiran dan perasaan aversif telah dikenal pasti sebagai sebab utama untuk melibatkan diri dalam NSSI, dan kecenderungan untuk menindas pemikiran yang tidak diingini telah dikaitkan dengan kewujudan dan kekerapan NSSI dalam kalangan remaja (Nock & Prinstein 2004). Kognitif ruminasi dalam kalangan remaja yang kemurungan juga dijumpai dalam meramal tingkah laku NSSI (Hilt *et al.* 2008).

Sehingga kini, kajian yang membandingkan pengherotan kognitif secara umumnya mencadangkan bahawa remaja yang mempunyai sejarah NSSI dan pernah cuba membunuh diri melaporkan tahap pengherotan kognitif yang lebih tinggi berbanding dengan remaja yang mempunyai sejarah NSSI sahaja. Dalam sebuah sampel kajian seramai 373 orang remaja, Brausch dan Gutierrez (2010) mendapati bahawa mereka yang

melibatkan diri dalam kedua-dua NSSI dan cubaan membunuh diri menunjukkan pandangan sendiri yang lebih negatif berbanding dengan mereka yang pernah terlibat dalam NSSI sahaja. Dapatan ini selari dengan kajian Dougherty *et al.* (2009) yang mana mendapati bahawa remaja di hospital yang terlibat dengan NSSI dan cubaan membunuh diri melaporkan lebih tinggi tahap pandangan negatif terhadap masa depan atau rasa putus asa daripada mereka yang hanya terlibat dengan NSSI sahaja. Selain itu, Muehlenkamp and Gutierrez (2007) mendapati bahawa komuniti remaja yang mempunyai sejarah NSSI dan cubaan membunuh diri melaporkan alasan seperti menghadapi tekanan emosional melampau dan lebih tinggi tahap penilaian sendiri yang negatif daripada remaja yang melakukan NSSI sahaja.

Menurut Weismoore dan Esposito-Smythers (2010), sama dengan kesilapan kognitif, pandangan yang lebih negatif kepada diri sendiri juga dikaitkan dengan kadar NSSI yang lebih tinggi dalam kalangan remaja mangsa penderaan. Ada kemungkinan bahawa pandangan sendiri yang negatif menyebabkan remaja merasakan bahawa dia perlu dipersalahkan dalam penderaan tersebut atau lebih terdedah kepada penderaan seterusnya, sekali gus meningkatkan pengalaman emosi aversif dan cenderung melibatkan diri dalam NSSI (Weismoore & Esposito-Smythers 2010). Pandangan yang negatif terhadap diri sendiri seperti rasa tiada harapan, tiada daya serta merasakan diri perlu dipersalahkan adalah antara aspek di bawah pengherotan kognitif.

Menurut Rohany Nasir *et al.* (2016), menyalahkan diri sendiri (self-blame) dan tidak berdaya (helplessness) merupakan antara jenis pengherotan kognitif. Menyalahkan diri sendiri adalah tahap di mana seseorang menyalahkan dirinya sendiri untuk perkara-perkara negatif yang tidak diinginkan dalam hidupnya walaupun peristiwa tersebut di luar kawalannya. Sebagai contoh, seseorang remaja sering menyalahkan diri sendiri yang sering diejek oleh rakan-rakan kerana mempunyai paras ketinggian yang rendah. Hal ini adalah di luar kawalan individu dan menyebabkan seseorang terus menyalahkan diri sendiri kerana tidak setaraf dengan rakan sebaya yang lain. Seterusnya, tidak berdaya ialah persepsi di negeri/negara mana dirinya tidak dapat mengawal aspek-aspek penting dalam kehidupan. Justeru, sekiranya dimensi pengherotan kognitif ini tinggi dalam diri individu, ia dilihat mampu membawa seseorang terlibat dalam tingkah laku mencederakan diri berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Weismoore dan Esposito-Smythers (2010).

Selain itu, remaja mangsa penderaan yang melaporkan pandangan negatif terhadap diri sendiri dan kesilapan kognitif yang lebih besar (contohnya, terlalu mengeneralisasi, kebencanaan, pemilihan abstrak maklumat negatif daripada peristiwa tingkah laku dan interaksi

interpersonal) melaporkan kadar NSSI yang lebih tinggi daripada mangsa yang lebih sihat profil kognitifnya (Weismore & Esposito-Smythers 2010). Walaubagaimanapun, terdapat kelemahan kognitif, termasuklah beberapa defisit (Szanto, Butters, Kalkus, & Dombrowski 2015) dan pengherotan (Jager-Hyman *et al.* 2014), NSSI telah wujud sebagai mekanisme yang mungkin mendasari perkembangan dan penyelenggaraan tingkah laku dan idea ke arah membunuh diri.

Berbanding kumpulan yang tidak pernah cuba membunuh diri, individu yang ingin membunuh diri mempunyai kecenderungan untuk melihat masa depan mereka (contohnya, tiada harapan) secara lebih negatif (Jager-Hyman *et al.* 2014; Miller & Esposito-Smythers 2013). Rasa tiada harapan ialah pengherotan sepadan dengan pandangan pesimis terhadap masa depan, dan menunjukkan kecenderungan untuk seseorang individu mengalami kemurungan (Alloy *et al.* 2012). Menurut Briere (2000), rasa tiada harapan atau berputus asa merupakan salah satu jenis pengherotan kognitif di bawah alat ujian psikometrik Skala Pengherotan Kognitif (Cognitive Distortion Scale). Menurutnya lagi, berputus asa adalah tahap di mana seseorang percaya bahawa masa depan adalah suram dan mempercayai dirinya ditakdirkan untuk gagal (Briere 2000).

Boergers, Spirito dan Donaldson (1998) mendapati bahawa terdapat korelasi positif antara tahap rasa putus asa dan tahap risiko membunuh diri. Hal ini menunjukkan bahawa tahap rasa putus asa yang lebih tinggi mampu meningkatkan tahap rasa ingin membunuh diri. Dapatan ini menunjukkan bahawa berputus asa (hopelessness) merupakan salah satu aspek di bawah pengherotan kognitif. Seseorang yang merasakan dia mempunyai masa depan yang gelap dan gagal menunjukkan bahawa individu tersebut mempunyai pengherotan kognitif (Briere 2000) serta mempunyai kecenderungan yang lebih tinggi untuk mencederakan diri sendiri.

Berdasarkan kajian-kajian lepas tentang aspek kognisi dalam kalangan remaja yang mencederakan diri dengan sengaja, dapat disimpulkan bahawa pengherotan kognitif merupakan faktor psikologi yang menyumbang golongan remaja untuk terlibat dalam tingkah laku menyimpang ini. Disebabkan wujudnya pengherotan kognitif dalam diri, mereka melakukan tingkah laku NSSI dan menganggap perbuatan tersebut sebagai sesuatu yang bukan serius untuk dilakukan. Mereka juga merasionalkan perbuatan ini sebagai sesuatu yang boleh dilakukan atas alasan tertentu.

NSSI dan Penghargaan Kendiri

Menurut Coleman (1975), penghargaan sendiri membawa maksud sikap seseorang terhadap dirinya ataupun pandangan atau penilaian dirinya

yang boleh berbentuk positif ataupun negatif. Duffy, Shaw, Scott dan Tepper (2006) memperincikan bahawa penghargaan sendiri adalah suatu penilaian peribadi terhadap diri kita sendiri dan konsep ini memberikan sesuatu yang bernilai untuk dikaitkan dengan konsep sendiri. Che Hasniza (2011) menyatakan bahawa individu yang mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi merasa bagus terhadap dirinya, merasa mempunyai peluang yang cemerlang, dan berupaya untuk hidup dengan rasa dihormati, jujur, bertenaga, kasih sayang dan realiti. Sebaliknya pula bagi seseorang yang rendah penghargaan sendiri akan merasakan dirinya tidak bernilai, merasa terancam, dan tidak berupaya untuk melihat ke dalam diri sendiri.

Kajian sebelum ini mencadangkan bahawa pandangan sendiri yang positif, seperti yang dinilai melalui ukuran penghargaan sendiri, bertindak sebagai penampan dalam menghalang pembangunan kemerosotan psikologikal lain-lain dalam kalangan remaja seperti kemurungan (Costello *et al.* 2008). Menyediakan belia dengan pujian dan peluang untuk mengalami kejayaan bagi memudahkan pembangunan pandangan sendiri yang positif serta membantu mereka memproses konflik interpersonal dan tekanan, mungkin boleh menjadi sangat berguna dalam kehidupan yang berfungsi secara optimum (Weismore & Esposito-Smythers 2010). Penghargaan sendiri secara logiknya adalah berkaitan dan berhubungan dengan tingkah laku mencederakan diri.

Peristiwa hidup yang buruk pada zaman perkembangan seseorang individu berkemungkinan adalah penyumbang kepada penglibatan dalam NSSI termasuklah penderaan seksual zaman kanak-kanak (Jacobson & Gould 2007), pengabaian ibu bapa dalam faktor emosi anak-anak (Gratz 2006), dibuli (Claes *et al.* 2015), atau mempunyai rakan yang turut terlibat dalam NSSI (Deliberto & Nock 2008). Oleh itu, peristiwa hidup yang buruk seperti ini juga dihipotesis sebagai penyumbang kepada penghargaan sendiri yang rendah dalam diri individu (Marshall *et al.* 2015). Laye-Gindhu dan Schonert-Reichl (2005) mengkaji NSSI dalam kalangan 424 pelajar sekolah menengah dan mendapati bahawa peserta NSSI melaporkan tahap penghargaan sendiri yang lebih negatif daripada rakan-rakan yang tidak mencederakan diri sendiri. Lundh, Karim dan Quilisch (2007) juga mendapati hubungan yang sama dalam kajian seramai 123 pelajar gred kesembilan. Berbanding dengan pelajar bukan peserta NSSI, 51 peserta NSSI melaporkan skor penghargaan sendiri yang secara signifikannya jauh lebih rendah.

Seterusnya, bukti empirikal menunjukkan bahawa NSSI dilakukan oleh sesetengah orang untuk mengurangkan emosi negatif yang dialami seperti penghargaan sendiri yang rendah dan mungkin dilakukan dalam masa seseorang menghadapi masalah atau kesukaran (Klonsky

& Muehlenkamp 2007). Harga diri boleh difahami sebagai sesuatu yang umum atau penilaian keseluruhan terhadap diri sendiri (sebagai contoh: Adakah saya seorang yang baik atau tidak berguna) (Leary & Baumeister 2000). Penghargaan sendiri yang rendah telah dikenalpasti sebagai faktor risiko bagi masalah-masalah lain yang berkait rapat dengan NSSI seperti bunuh diri (Gooding *et al.* 2015) dan kemurungan (Orth *et al.* 2008).

Sebagai tambahan, konsep yang selari dengan penghargaan sendiri yang rendah dikenalpasti sebagai motif kepada NSSI seperti dendaan kepada diri sendiri (Glassman *et al.* 2007), kekecewaan terhadap diri sendiri (Stroehmer *et al.* 2015) dan sebagai salah satu cara untuk mengatasi perasaan malu (Edmondson, Brennan & House 2016). Individu yang mempunyai penghargaan sendiri yang rendah mendapati adalah lebih mudah untuk terlibat dalam NSSI disebabkan oleh kurang rasa berguna dan kepuasan diri (Kittila 2012). Merasa diri kurang bernilai telah didapati menyederhanakan hubungan antara ketidakregulasi emosi dan penglibatan dalam NSSI (Muehlenkamp *et al.* 2013). Remaja yang mencederakan diri melaporkan tahap penghargaan sendiri yang lebih rendah dan menilai diri mereka secara akademiknya, kurang cerdik, kurang menarik, kurang kemahiran sosial, emosi kurang stabil berbanding mereka yang tidak terlibat dalam NSSI (Claes *et al.* 2010).

Penghargaan sendiri rendah yang kronik lebih cenderung meningkatkan individu terdedah dengan keadaan emosi aversif, terutamanya rasa malu dan penolakan atau disisihkan mampu mencetuskan tingkah laku NSSI sebagai salah satu cara untuk tangani tekanan (Hooley & St. Germain 2013). Tingkah laku NSSI ini lebih mudah dilakukan ketika bersendirian dan semasa mengalami kemelut emosi akibat tekanan sekeliling dan rendah tahap penghargaan sendiri. Perkara ini adalah relevan kerana terdapat bukti yang menyatakan bahawa rasa malu dan disisihkan mencetuskan tingkah laku NSSI (Snir, Rafaeli, Gadassi, Berenson & Downey 2015). Individu yang rendah penghargaan kendirinya lebih mudah untuk isolasikan diri daripada persekitaran sosial yang mana sekaligus menyebabkan kekurangan sokongan sosial yang diperolehi. Hal ini meningkatkan risiko seseorang untuk terlibat dalam tingkah laku devian NSSI.

Tambahan pula, penghargaan sendiri dan NSSI mungkin wujud dalam hubungan bertimbal balik (Tanner *et al.* 2014). Sebagai contoh, stigma masyarakat terhadap pelaku NSSI mungkin membawa kepada penghargaan sendiri yang rendah (Borrill *et al.* 2012). Terdapat bukti yang menunjukkan kepentingan intervensi yang mensasarkan penghargaan sendiri seperti kajian Hooley dan St. Germain (2013) yang mendapati bahawa peningkatan penghargaan sendiri mampu mengurangkan perasaan ingin merasa kesakitan seperti yang dirasakan apabila melakukan NSSI.

Menurut Fennell (2005), pendekatan kognitif secara tidak langsung telah dibentuk yang bermatlamat untuk mengubah penghargaan sendiri seseorang individu. Selain itu, Hawton *et al.* 2016 juga mendapati bahawa kecekapan terapi berasaskan penghargaan sendiri boleh mengurangkan tingkah laku NSSI

Kita dapat lihat bahawa penghargaan sendiri remaja yang rendah boleh meyumbang kepada keterlibatan dalam NSSI. Justeru, intervensi atau rawatan awal perlu dijalankan untuk meningkatkan pandangan sendiri positif yang bertindak sebagai sumber psikologikal efektif dalam menangani remaja yang terlibat dalam NSSI. Kajian lepas mencadangkan bahawa pandangan sendiri yang positif yang dinilai melalui pengukuran penghargaan sendiri bertindak sebagai penghalang dalam membentuk masalah psikologikal yang lain seperti kemurungan dalam kalangan remaja (Costello *et al.* 2008).

RUMUSAN

Berdasarkan hasil tinjauan kajian-kajian lepas berkaitan dengan tingkah laku mencederakan diri tanpa niat membunuh diri, prevalens memuncak seseorang individu untuk melakukan tingkah laku devian ini adalah pada peringkat awal remaja. Walaupun mekanisme khusus remaja yang berisiko terlibat dalam NSSI belum dijelaskan, kadar NSSI yang tinggi serta tingkah laku yang membahayakan fizikal ini mencadangkan bahawa penyelidikan tentang NSSI dalam kalangan kumpulan umur remaja ini amat diperlukan.

Dapatan kajian lepas menunjukkan keadaan psikologi yang tidak sihat atau kewujudan ciri-ciri negatif berkait rapat dengan NSSI. Oleh yang demikian perkembangan psikologi yang sihat adalah sangat penting untuk membentuk insaniah seseorang individu. Psikologi yang sihat juga menjadi kekuatan dalaman seseorang individu yang dapat mengekang mereka daripada melakukan perbuatan yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada diri sendiri dan orang lain di sekitar mereka, seperti tingkah laku NSSI.

Tingkah laku NSSI boleh mendatangkan bahaya yang memudaratkan kepada diri sendiri. Lebih teruk lagi, cubaan mencederakan diri ini boleh membawa kepada cubaan untuk membunuh diri. Oleh yang demikian, kajian terhadap aspek psikologikal atau faktor dalaman individu golongan remaja perlu dilakukan agar isu ini dapat dibendung dan diatasi sehingga ke akar umbi. Cara berfikir golongan remaja ini perlu dipulihkan supaya mereka dapat mengharungi setiap masalah dan cabaran yang dihadapi.

Justeru, golongan yang lebih berusia, matang dan berpengalaman seperti ahli keluarga dan para guru perlu memantau setiap pergerakan golongan remaja ini agar tidak sampai ke tahap mencederakan diri sendiri yang mampu memudaratkan kesihatan fizikal dan juga mental. Adalah penting untuk mengetahui dengan lebih lanjut dan mendalam tentang faktor dalaman individu yang berhubungan dengan NSSI bagi membangunkan langkah pencegahan yang efektif dan program intervensi awal. Pemahaman tentang perkara ini adalah sangat penting untuk mencegah tingkah laku mencederakan diri yang lebih parah atau lebih teruk lagi, cubaan membunuh diri di kemudian hari. Dapatan ini mampu membantu badan-badan kerajaan untuk memenuhi Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020) bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat dan seterusnya melahirkan aset negara yang berkualiti untuk meneraju negara Malaysia.

Tinjauan ini juga penting secara langsung dan tidak langsung menyumbang kepada para penyelidik, kaunselor, ahli psikologi, guru sekolah, terapis dan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia serta pihak penguatkuasa seperti badan-badan jenayah, polis, ahli kriminologi dengan wujudnya sebuah maklumat berkenaan tingkah laku mencederakan diri tanpa niat untuk membunuh diri ini. Tinjauan ini boleh memberi sumbangan kepada bahagian kaunseling dengan pendedahan kepada kaunselor tentang faktor psikologikal tertentu yang mungkin menyebabkan klien berkecenderungan terjebak dengan tingkah laku mencederakan atau membunuh diri. Intervensi kaunseling yang dilakukan terhadap klien yang bermasalah boleh diperbaharui dengan melihat faktor psikologikal yang dimiliki seseorang klien.

Seterusnya, setiap lapisan masyarakat juga akan lebih membuka mata atau memberi perhatian terhadap isu ini dan tidak menganggap isu ini remeh dan biar berlalu begitu sahaja. Justeru, ibu bapa akan lebih bertanggungjawab untuk memeriksa anggota badan anak-anak atau memerhatikan kelakuan anak-anak walau di mana sahaja mereka berada agar kondisi fizikal dan mental mereka berada dalam keadaan yang sempurna. Tinjauan ini akan memberi pendedahan kepada ibu bapa untuk mengambil peduli setiap peristiwa yang berlaku kepada anak-anak sendiri agar anak-anak tersebut tidak mengambil langkah yang membahayakan diri sendiri sebagai salah satu cara untuk melepaskan tekanan emosi.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia kerana membiayai geran penyelidikan (Kod: FRGS/1/2016/SS06/UKM/02/3) dan juga kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan moral kepada pihak penulis.

RUJUKAN

- Abela, G.G., Becker, J.V. & Conningham-Rather, J. (1984). Complication, consent and cognition in sex between child and adult. *International J. Law and Psychiatry*. 7(189): 1-3
- Aishvarya, S., Maniam, T., Hatta, S., Oei, T.P.S. (2014). Suicide ideation and intent in Malaysia: A review of the literature. *Comprehensive Psychiatry*: 55; S95–S100.
- Alloy, L. B., Black, S. K., Young, M. E., Goldstein, K. E., Shapero, B. G., Stange, J. P., Abramson, L. Y. (2012). Cognitive vulnerabilities and depression versus other psychopathology symptoms and diagnoses in early adolescence. *Journal of Clinical Child & Adolescent Psychology*. 41:539–560.
- Barriga, A. Q., Landau, J. R., Stinson, B.L., Liau, A.K. & Gibbs, J.C. (2000). Cognitive distortion and problem behaviors in adolescents. *Criminal Justice and Behavior*. 27(1): 36
- Beck, A. T, Emery, G. & Greenberg, R. (1985). *Anxiety disorders and phobias: A cognitive perspective*. New York, NY: Basic Books.
- Boergers, J., Spirito, A., & Donaldson, D. (1998). Reasons for adolescent suicide attempts:Associations with psychological functioning. *Journal of the American Academy of Child and Adolescent Psychiatry*, 37, 1287–1293
- Borrill, J., Lorenz, E., Abbasnejad, A. (2012). Using qualitative methods to explore non disclosure: the example of self-injury. *Int. J. Qual. Methods*. 11(4), 384-398.
- Brausch, A. M. & Gutierrez, P. M. (2010). Differences in non-suicidal self-injury and suicide attempts in adolescents. *Journal of Youth and Adolescence*, 39, 233–242.
- Brent, K. J, Hollomon, D. W. & Shaw, M. W. (1990). Predicting the evolution of fungicide resistance. In: *Managing Resistance to Agrochemicals*, Green, M B, LeBaron, H M and Moberg, W K eds. American Chemical Society Washington DC, 303-319.
- Brown, M. Z., Comtois, K. A. & Linehan, M. M. (2002). Reasons for suicide attempts and nonsuicidal self-injury in women with borderline personality disorder. *Journal of Abnormal Psychology*. 111, 198–202

- Chapman, A. L., Gratz, K. L., & Brown, M. Z. (2006). Solving the puzzle of deliberate self-harm: The experiential avoidance model. *Behaviour Research and Therapy*, 44, 371-394.
- Che Hasniza Che Noh. (2011). Hubungan empati dan penghargaan sendiri ibubapa dengan gaya keibubapaan. *Jurnal Kemanusiaan*. Bil.17, 66-79.
- Claes, L., Luyckx, K., Baetens, I., Van de Ven, M. & Witteman, C., (2015). Bullying and victimization, depressive mood, and non-suicidal self-injury in adolescents: the moderating role of parental support. *J. Child. Fam. Stud.* 24(11), 3363-3371.
- Coleman, R. E. (1975). Manipulation of self-esteem as a determinant of mood of elated and depressed women. *Journal of Abnormal Psychology*, 84(6), 693-700.
- Costello, D. M., Swendsen, J., Rose, J. S., & Dierker, L. C. (2008). Risk and protective factors associated with trajectories of depressed mood from adolescence to early adulthood. *Journal of consulting and clinical psychology*, 76(2), 173.
- De Leo, D. & Heller, T. S. (2004). Who are the kids who self-harm? An Australian self-report school survey. *Medical Journal of Australia*. 2004;181:140-144.
- Deliberto, T. L. & Nock, M. K., (2008). An exploratory study of correlates, onset, and offset of non-suicidal self-injury. *Arch. Suicide Res.* 12(3), 219-231.
- Dougherty, D. M., Mathias, C. W., Marsh-Richard, D. M., Furr, R. M., Nouvion, S. O. & Dawes, M. A.(2009). Distinctions in behavioral impulsivity: implications for substance abuse research. *Addictive Disorders and Their Treatment* 8, 61-73.
- Duffy, M. K., Shaw, J. D., Scott, K. L., & Tepper, B. J. (2006). The moderating roles of self-esteem and neuroticism in the relationship between group and individual undermining behavior. *Journal of Applied Psychology*, 91(5), 1066-1077.
- Fennell, M. J. V., (2005). Low self-esteem, in: Felgoise, S., Nezu, A. M., Nezu, C. M., Reinecke, M. A. (Eds.), *Encyclopedia of cognitive behavior therapy*, Springer, NewYork, pp. 236-240.

- Glassman, L. H., Weierich, M. R., Hooley, J. M., Deliberto, T. L. & Nock, M. K., (2007). Child maltreatment, non-suicidal self-injury, and the mediating role of self-criticism. *Behav.Res. Ther.* 45(10), 2483-2490.
- Glenn C. R. & Klonsky E. D. (2013). Nonsuicidal self-injury disorder: an empirical investigation in adolescent psychiatric patients. *Journal of Clinical Child & Adolescent Psychology*, 0(0), 1–12
- Gooding, P., Tarrier, N., Dunn, G., Shaw, J., Awenat, Y., Ulph, F. & Pratt, D. (2015). The moderating effects of coping and self-esteem on the relationship between defeat, entrapment and suicidality in a sample of prisoners at high risk of suicide. *Eur. Psychiatry.* 30(8), 988-994.
- Gratz, K. L. (2006). Risk factors for deliberate self-harm among female college students: the role and interaction of childhood maltreatment, emotional inexpressivity, and affect intensity /reactivity. *Am. J. Orthopsychiatry.* 76(2), 238.
- Gratz, K. L., Conrad, S. D., & Roemer, L. (2002). Risk factors for deliberate self-harm among college students. *American Journal of Orthopsychiatry*, 72, 128-140.
- Hamza, C. A., Stewart, S. L., & Willoughby, T. (2012). Examining the link between nonsuicidal self-injury and suicidal behavior: A review of the literature and an integrated model. *Clinical Psychology Review*, 32, 482–495.
- Hankin, B. L. & Abela, J. R. Z. (2011). Nonsuicidal self-injury in adolescence: Prospective rates and risk factors in a 2 × year longitudinal study. *Psychiatry Research*, 186, 65-70.
- Hawton, K., Harriss, L. & Hall, S. *et al.* (2003). Deliberate self-harm in Oxford, 1990–2000: a time of change in patient characteristics. *Psychological Medicine.* 33:987–995.
- Hawton, K., Rodham, K., Evans, E., & Weatherall, R. (2002). Deliberate self harm in adolescents: self report survey in schools in England. *British Medical Journal*, 325, 1207-1211.
- Hawton, K., Witt, K. G., Taylor Salisbury, T. L., Arensman, E., Gunnell, D., Hazell, P., Townsend, E. & Van Heeringen, K. (2016). Psychosocial interventions for self-harm in adults. *Cochrane database of Systematic reviews.*

- Heath, N. L., Toste, J. R., Nedecheva, T. & Charlebois, A. (2008). An examination of non-suicidal self-injury among college students. *Journal of Mental Health Counseling*, 30, 137–156.
- Hilt, L. M., Nock, M. K., Lloyd-Richardson, E. E., & Prinstein, M. J. (2008). Longitudinal study of nonsuicidal self-Injury among young adolescents rates, correlates, and preliminary test of an interpersonal model. *The Journal of Early Adolescence*, 28(3), 455–469.
- Hoff, E. R., & Muehlenkamp, J. J. (2009). Nonsuicidal self-injury in college students: the role of perfectionism and rumination. *Suicide & Life-Threatening Behavior*, 39, 576–87.
- Hooley, J. M. & St. Germain, S. A. S. (2013). Empirical evidence of cognitive vulnerability for depression among children and adolescents: A cognitive science and developmental perspective. *Clinical Psychology Review*. 28:759–783
- Jacobson, C. M., & Gould, M. (2007). The epidemiology and phenomenology of non-suicidal self-injurious behavior among adolescents: a critical review of the literature. *Archives of Suicide Research*, 11(2), 129-147.
- Jacobson, C. M., Muehlenkamp, J. J., Miller, A. L., & Turner, J. B. (2008). Psychiatric impairment among adolescents engaging in different types of deliberate self harm. *Journal of Clinical Child and Adolescent Psychology*. 37:363–375.
- Jager-Hyman, S., Cunningham, A., Wenzel, A., Mattei, S., Brown, G. K., & Beck, A. T. (2014). Cognitive distortions and suicide attempts. *Cognitive Therapy and Research*, 38(4), 369–374.
- Kendall, P. C. & Dobson, K. S. (1993). On the nature of cognition and its role in psychopathology. In: Dobson KS, Kendall PC, editors. *Psychopathology and cognition*. New York: Academic Press; pp. 3–19
- Kim, S. Y., Kim, M. H., Kawachi, I., & Cho, Y. (2011). Comparative epidemiology of suicide in South Korea and Japan: effects of age, gender and suicide methods. *Crisis*, 32, 1, 5-14
- Kittila, A. K. (2012). *Emotion and nonsuicidal self-injury* (Doctoral Dissertation, Griffith University). South East Queensland, Australia.

- Klonsky, E. D., & Muehlenkamp, J. J., (2007). Self-injury: A research review for the practitioner. *J. Clin. Psy.* 63(11), 1045-1056.
- Klonsky, E. D., Muehlenkamp, J. J., Lewis, S. P., & Walsh, B. (2011). *Nonsuicidal self-injury*. Cambridge, MA: Hogrefe.
- Klonsky, E. D., Oltmanns, T. F., & Turkheimer, E. (2003). Deliberate selfharm in a nonclinical population: Prevalence and psychological correlates. *American Journal of Psychiatry*, 160, 1501–1508.
- Kokkevi, A., Rotsika, V., Arapaki, A., & Richardson, C. (2012). Adolescents' self-reported suicide attempts, self-harm thoughts and their correlates across 17 European countries. *Journal of Child Psychology and Psychiatry*: 53(4); pp 381–389
- Laye-Gindhu, A. & Schonert-Reichl, K. A. (2005). Nonsuicidal self-harm among community adolescents: understanding the 'whats' and 'whys' of self-harm. *Journal of Youth and Adolescence*. 34:447–457.
- Leary, M. R., & Baumeister, R. F. (2007). Deliberate self-harm in 15-year-old adolescents: A pilot study with a modified version of the Deliberate Self-Harm Inventory. *Scandinavian journal of psychology*. 48. 33-41.
- Mahadevan, S., Hawton, K., & Casey, D. (2010). Deliberate self-harm in Oxford University students, 1993–2005: a descriptive and case-control study. *Social Psychiatry and Psychiatric Epidemiology*, 45(2), 211–219.
- Marshall, S. L., Parker, P. D., Ciarrochi, J., Sahdra, B., Jackson, C. J., & Heaven, P. C. (2015). Self-compassion protects against the negative effects of low self-esteem: A longitudinal study in a large adolescent sample. *Pers. Individ. Dif.* 74, 116-121.
- Martin, G., Swannell, S., Hazell, P., Harrison, J., & Taylor, A. (2010). Self-injury in Australia: A community survey. *Medical Journal of Australia*, 193(9), 506–510
- Mental Health First Aid Australia. (2014). *Non-suicidal self-injury: first aid guidelines* (Revised 2014). Melbourne: Mental Health First Aid Australia

- Messer, J. M., & Fremouw, W. J. (2008). A critical review of explanatory models for self-mutilating behaviors in adolescents of differences between self-injurious behavior and suicide attempts in a sample of adolescents. *Suicide and Life-Threatening Behavior*, 34, 12–23
Clinical Psychology Review, 28, 162–178.
- Miller, A. & Esposito-Smythers, C. (2013). *Psychology of Violence*. 3. 353.
- Muehlenkamp J. J., Claes L., Havertape L., Plener P. L. (2012). International prevalence of non-suicidal self-injury and deliberate self-harm. *Child Adolesc Psychiatry Ment Health*. 6, Article ID 10.
- Muehlenkamp, J. J., & Gutierrez, P. M. (2004). An investigation of differences between self- injurious behavior and suicide attempts in a sample of adolescents. *Suicide and Life-Threatening Behavior*, 34(1), 12-23.
- Muehlenkamp, J. J., & Gutierrez, P. M. (2007). Risk for suicide attempts among adolescents who engage in non-suicidal self-injury. *Archives of Suicide Research*, 11(1), 69–82.
- Muehlenkamp, J. J., Bagge, C. L., Tull, M. T., & Gratz, K. L. (2013). Body regard as a moderator of the relation between emotion dysregulation and nonsuicidal self-injury. *Suicide Life. Threat. Behav.* 43(5), 479-493.
- Muehlenkamp, J. J., Williams, K. L., Gutierrez, P. M., & Claes, L. (2009). Rates of non-suicidal self-injury in high school students across five years. *Archives of Suicide Research*, 13(4), 317-329.
- Nock M. K. 2010. Self-injury. *Annu. Rev. Clin. Psychol.* (2010). 6:339–63
- Nock M. K., Joiner, T. E., & Gordon, K. H. *et al.* (2006). Non-suicidal selfinjury among adolescents: diagnostic correlates and relation to suicide attempts. *Psychiatry Res* 144:65-72
- Nock, M. K., & Prinstein, M. J.(2004). A functional approach to the assessment of selfmutilative behavior. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 72, 885-890.
- Nock, M. K., Prinstein, M. J., & Sterba, S. K. (2009). Revealing the form and function of selfinjurious thoughts and behaviors: A real-time ecological assessment study among adolescents and young adults. *Journal of Abnormal Psychology*, 118(4), 816.

- Orth, U., Robins, R. W., & Roberts, B. W. (2008). Low self-esteem prospectively predicts depression in adolescence and young adulthood. *J. Pers. Soc. Psychol.* 95(3), 695.
- Renee, N. B. & Emily, J. C. (2018). The Frequent occurrence of non suicidal self-injury (NSSI). *Peer Reviewed Journal of Forensic & Genetic Sciences.* 1(1)
- Richard-Devantoy, S., Szanto, K., Butters, M. A., Kalkus, J., & Dombrowski, A. Y. (2015). Cognitive inhibition in older high-lethality suicide attempters. *International Journal of Geriatric Psychiatry Psychiatry.* 30(3):274-83.
- Rodham, K., Hawton, K., & Evans, E. (2004). Reasons for deliberate self-harm : comparison of self-poisoners and self-cutters in a community sample of adolescents. *Journal of the American Academy of Child and Adolescent Psychiatry* 43, 80–87.
- Rodham, K., & Hawton, K. (2009). Epidemiology and phenomenology of nonsuicidal selfinjury. In M. K. Nock (Ed.), *Understanding nonsuicidal self-injury: Origins, assessment, and treatment* (pp. 37–62). Washington: American Psychological Association.
- Rohany Nasir, Zainah Ahmad Zamani, Rozainee Khairudin & Mohammad Rahim Kamaluddin (2016). *Pengherotan Kognitif dan Pelbagai Isu Sosial.* Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ross, S., & Heath, N.(2002). A study of the frequency of self-mutilation in a community sample of adolescents. *Journal of Youth and Adolescence,* 31(1), 67–77
- Schmeelk-Cone, K. H., & Zimmerman, M. A.(2003). A longitudinal analysis of stress in African American youth: Predictors and outcomes of stress trajectories. *Journal of Youth and Adolescence,* 32, 419-430
- Sharma, B., Eun, W.N., Ha, Y.K., Jong, K.K.(2015). Factors associated with suicidal ideation and suicide attempt among school-going urban adolescents in Peru. *International Journal of Environmental Research and Public Health:* 12; 14842–14856.
- Sipalan, J. (2012). Suicide rate on the rise in Malaysia. The Star Online. <http://thestar.com.my> [5 Jun 2012].

- Siti Nurkhairina Mohd Nor., Wan Shahrazad Wan Sulaiman., & Mohammad Rahim Kamaluddin. (2017). Profil psikologi penjenayah wanita: satu tinjauan literatur. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 17 (2), 131-145.
- Stroehmer, R., Edel, M. A., Pott, S., Juckel, G., & Haussleiter, I. S. (2015). Digital comparison of healthy young adults and borderline patients engaged in non-suicidal selfinjury. *Ann. Gen. Psychiatry*. 14(1), 1-9.
- Taliaferro, L. A., & Muehlenkamp, J. J. (2014). Risk and protective factors that distinguish adolescents who attempt suicide from those who only consider suicide in the past year. *Suicide Life Threat Behavior* 44(1):6-22
- Tang, J., Yang, W., Ahmed, N. I., Ma, Y., Liu, H.-Y., Wang, J.-J., □ Yu, Y.-Z. (2016). Stressful Life Events as a Predictor for Nonsuicidal Self-Injury in Southern Chinese Adolescence: A Cross-Sectional Study. *Medicine*, 95(9).
- Tanner, A. K., Hasking, P., Martin, G., (2014). Effects of rumination and optimism on the relationship between psychological distress and non-suicidal self-injury. *Prev. Sci.* 15(6), 860 868.
- Toprak, S., Cetin, I., Guven, T., Can, G., & Demircan, C. (2011). Self-harm, suicidal ideation and suicide attempts among college students. *Psychiatry Research*,187:140–144.
- Webster, J., & Watson, R. T. (2002). Analyzing the Past to Prepare for the Future: Writing Literature Review. *MIS Quarterly*, 26 (2), xiii-xxiii.
- Weems, C. F., Berman, S. L., Silverman, W. K., & Saaverdra, L. M. (2001). Cognitive errors in youth with anxiety disorders: The linkages between negative cognitive errors and anxious symptoms. *Cognitive Therapy and Research*. 25:559–575.
- Weismore, J. T. & Esposito-Smythers C. (2010). The role of cognitive distortion in the relationship between abuse, assault, and non-suicidal self-injury. *J Youth Adolesc*. 39(3):281-90
- Whitlock, J. (2010). Self-Injurious Behavior in Adolescents. *PLoS Med*7(5): e1000240.
- Whitlock, J., Muehlenkamp, J., Eckenrode, J., Purington, A., Barrera, P., Abrams, G.,. Smith, E. (2013). Non-suicidal self-injury as a

gateway to suicide in adolescents and young adults. *Journal of Adolescent Health*, 52, 486 – 492

Wilcox, H. C, Arria, A. M., & Caldeira, K. M. *et al.* (2012). Longitudinal predictors of past-year non-suicidal self-injury and motives among college students. *Psychological Medicine*, 42(4):717–726.

Balan Rathakrishnan. (2013). Hubungan tingkah laku seksual berisiko dan penyalahgunaan bahan dengan masalah kesihatan mental dalam kalangan pelajar sekolah menengah: satu kajian pelbagai etnik di sabah. *Journal of Psychology and Human Development*, 1:73-82

Profil Penulis:

Danish Yusrie Bin Mohd Khairul

Pelajar Sarjana Falsafah (Psikologi)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
danishyusrie412@gmail.com

Mohammad Rahim Kamaluddin, Ph.D

Pensyarah Kanan & Pakar Kriminologi
Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
rahimk@ukm.edu.my

Chong Sheau Tsuey, Ph.D

Pensyarah Kanan
Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
stchong@ukm.edu.my

Mohd Suhaimi Mohamad, Ph.D

Pensyarah Kanan
Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
msuhaimi@ukm.edu.my

LEADERSHIP STYLES PREFERENCE AMONG MILLENNIALS WORKFORCE

HARI KRISHNAN ANDI

ABSTRACT

The aim of this study was to establish the preferred leadership styles among Millennial workforces. This study used the survey method utilizing three instruments; Multifactor Leadership Questionnaire (MLQ) ($\alpha=0.74$), Task and Relationship Questionnaire (TRQ) ($\alpha=0.75$), and Authentic Leadership Questionnaire (ALQ) ($\alpha=0.78$). The data was collected randomly from participants who attended career fairs in Kuala Lumpur. The samples comprised of 120 respondents ($N=120$), 46 respondents are male (38.3%) whereas 74 respondents are female (61.7%). The results revealed that Millennials prefer transformational leadership and a degree of transactional leadership, but rejected laissez-faire leadership as a whole. In addition, the results exhibited that Millennials prefer a relationship-behaviour driven leader instead of a task-behaviour driven leader. Furthermore, the results also indicated that Millennials prefer a leader who is true to him/herself, with strong moral character and solid reputation, deep knowledge of the subject matter and performs behavioural reflection. The implication of this study shows that Millennials discard a laissez-faire leadership style and that organizations shall refrain from employing them. In addition, organizations should identify leaders who know themselves, have a clear sense of who they are and what they stand for, and are open and honest in presenting their true self to others.

Keywords: millennials, leadership styles, leadership, organization, workforce

ABSTRAK

unity which are the basic building blocks for harmonious and peaceful living within a multicultural society such as Malaysia. This research explores the involvement of NGO Youths in instilling social unity amongst youth in Sabah through programmes run by these NGO groups. This research is a quantitative research which uses the questionnaire as an instrument to gather data. The result of the research shows that NGO Youths in Sabah play a role in imparting national unity by infusing the elements of integrity and unity in the programmes that they organise. The involvement of the youths in these programmes, based on unity, has established positive ethnic relations amongst the society.

Keywords: youth, NGO, volunteer, cohesion, unity

PENGENALAN

Badan Bukan Kerajaan (Non Governmental Organization – NGO) merupakan organisasi sukarelawan yang tidak berkepentingan politik mahupun keuntungan dalam memberi khidmat terhadap masyarakat sama ada dalam bentuk bantuan, perkhidmatan ataupun memantapkan sesuatu polisi awam (Karns, www.britannica.com). Kajian terdahulu mendapati NGO dapat mengukuhkan kesepaduan sosial dengan membina norma mengambil berat, bersifat prihatin dan menyumbang kepada masyarakat (Wooley, 1998). Dewasa ini, kepentingan penglibatan NGO Belia khususnya di Sabah dalam program perpaduan semakin dirasai. Tambahan pula 46% daripada keseluruhan penduduk Sabah adalah belia (<http://petabelia.kbs.gov.my/report/>). Namun demikian jumlah NGO Belia di Sabah yang berdaftar hanyalah 20 sahaja (Pejabat Pendaftar Pertubuhan Malaysia, Cawangan Sabah, 2016). Kebanyakan program yang dianjurkan adalah bersifat pembangunan jati diri belia seperti program berorientasikan sukan, kemasyarakatan dan kursus kemahiran untuk belia (temubual Mohaidi Abdullah, 2016). Bertepatan dengan sumbangan NGO dalam mengukuhkan nilai dan norma yang dapat membantu mengukuhkan kesepaduan sosial, kajian ini meneroka penglibatan NGO Belia dalam menerapkan perpaduan masyarakat khususnya di Sabah melalui program yang dijalankan oleh NGO tersebut.


Perbincangan ini memberi tumpuan kepada NGO Belia di Sabah. NGO yang terlibat dalam kajian ini dianggotai dan dipimpin oleh golongan belia iaitu mereka yang berusia antara 15 hingga 40 tahun, sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Pertubuhan dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668) (Wasitah Mohd Yusof, 2015: 2). Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri dari mereka yang menjadi ahli, atau yang pernah menghadiri program anjuran NGO tersebut. Hal ini penting agar dapatan kajian lebih seimbang dan neutral. Kajian ini bertujuan untuk: 1) mengenal pasti tahap kesepaduan dan perpaduan dalam program NGO belia di Sabah; 2) mengenal pasti NGO belia yang aktif menerapkan perpaduan

melalui program yang dijalankan; dan 3) mengenal pasti perbezaan respon daripada ahli dan bukan ahli terhadap penerapan elemen perpaduan dalam program NGO belia di Sabah.

SOROTAN LITERATUR DAN KERANGKA KONSEP

Kajian ini meneroka penglibatan NGO Belia di Sabah dalam menerapkan elemen kesepaduan dan perpaduan melalui program yang dijalankan. Kerangka teori bagi menjawab persoalan kajian ini adalah seperti yang berikut:

Rajah 1: Kerangka Teori Penglibatan NGO Belia Sabah dalam Perpaduan Sosial



Berdasarkan kerangka teori di atas, konstruk kesepaduan diletakkan sebagai pra-syarat kepada konstruk perpaduan berdasarkan proses perpaduan dalam konteks masyarakat Malaysia. Manakala, konsep perpaduan yang dicadangkan adalah kerangka perpaduan dalam kepelbagaian iaitu bukan perpaduan secara mutlak yang membentuk satu identiti bangsa Negara.

Perpaduan sosial membawa maksud yang pelbagai dan berbeza mengikut konteks perbincangan (Atkinson, 1998). Secara umumnya, penyelidik terdahulu merujuk kesepaduan sosial sebagai ketiadaan pengasingan individu atau golongan tertentu. Sebahagian penyelidik juga merujuk kesepaduan sosial kepada interaksi dan hubungan dalam sesebuah masyarakat (Rujukan). Kepentingan kesepaduan sosial adalah amat ketara dalam mencapai perpaduan nasional kerana ianya merupakan platform yang menghubungkan antara kaum sebelum mereka membentuk identiti Nasional (Jon Elster, 1989; Wooley, 1998).

Kesepaduan sosial merupakan proses dalam membina masyarakat yang berkongsi nilai, cabaran dan peluang yang adil berdasarkan unsur harapan bersama, mempercayai antara satu sama lain dan kesediaan untuk

menyumbang kepada masyarakat (Jeannotte et. al, 2002). Jelas sekali dalam konteks negara Malaysia, nilai, cabaran dan peluang yang adil merupakan tiga cabaran yang sering dibincangkan bagi mencapai kesepaduan sosial. Cabaran-cabaran ini perlu ditangani dari semasa ke semasa dalam menyediakan masyarakat Malaysia yang mempunyai kesepaduan dan seterusnya perpaduan yang jitu. Kerangka teori kesepaduan sosial yang dipilih bagi kajian ini adalah berdasarkan kerangka Wooley (1998) kerana kesesuaiannya untuk menilai elemen kesepaduan yang diterapkan dalam program NGO Belia di Sabah.

Rajah 2: Kerangka Teori Kesepaduan Sosial (Wooley, 1998)



Menurut Teori Kesepaduan Sosial (Wooley, 1998) terdapat tiga dimensi penentu kesepaduan, iaitu:

1. Ketiadaan pengasingan sosial
2. Kualiti dan kuantiti interaksi dan hubungan dalam masyarakat
3. Perkongsian nilai dan memahami antara satu sama lain di dalam sesebuah masyarakat yang mungkin berbeza latar belakang budaya dan kepercayaan.

Manakala, kerangka teori perpaduan sosial yang dipilih adalah berdasarkan kerangka Shamsul Amri (2012) kerana kesesuaiannya mengukur elemen perpaduan yang diterapkan dalam program NGO di negeri Sabah. Perpaduan ditakrifkan sebagai kesamaan dan kesatuan dalam membentuk identiti nasional seperti satu bangsa, satu agama, satu bahasa dan satu negara. Dalam konteks negara berbilang etnik dan agama, adalah hampir mustahil perkara ini dapat dicapai (Shamsul Amri, 2012). Oleh itu, konsep perpaduan yang dicadangkan bagi kajian ini ialah “Perpaduan dalam kepelbagaian” (unity in diversity). Terdapat tiga perspektif perpaduan dalam kepelbagaian yang dibahas oleh Shamsul Amri (2012), iaitu:

Psikologi Sosial: rasa kesatuan merentas pemisahan fizikal dan psikologikal.
Antropologi-sosiologi: merangkumi aspek epistemologi dengan menganalisis bagaimana manusia mengurus abstrak dan nyata serta perbezaan sosial sedia ada dalam membentuk identiti nasional.
Ontologi: mengurus dan menyusun perbezaan untuk mewujudkan keadaan aman dan stabil bagi meraih kesenangan dan kemewahan material.

Konsep perpaduan dalam kepelbagaian adalah penting dalam konteks Malaysia yang lebih menfokuskan kepada akulturasi budaya antara etnik yang berbeza. Setelah sekian lama kepelbagaian ini diraikan, pasti strategi perpaduan adalah lebih sesuai dalam konteks kepelbagaian supaya perpaduan dapat dicapai dengan cara yang harmonis tanpa menyisihkan identiti budaya etnik yang berbeza.

Dalam konteks Malaysia, realitinya kita berkongsi negara dan sumber yang terdapat di dalamnya. Satu-satunya pilihan yang ada agar kita dapat membina sebuah masyarakat yang hidup aman, damai, harmoni dan bersatu padu ialah dengan mengiktiraf kewujudan setiap masyarakat yang rencam sifatnya. Kepelbagaian budaya etnik yang wujud bukanlah alasan untuk setiap kelompok masyarakat menjauhkan diri antara satu sama lain. Bahkan mereka perlu menjalin hubungan yang baik agar saling faham memahami antara satu sama lain dan bersikap toleran. Hal ini penting memandangkan hubungan antara masyarakat pelbagai agama turut berperanan dalam membina kesatuan dalam kepelbagaian di sesebuah negara seperti Malaysia (Abd Hakim Mohad *et.al*, 2016: 3).

Pengalaman kehidupan masyarakat majmuk di negara ini menyaksikan interaksi yang positif antara mereka. Majoriti masyarakat memilih untuk hidup dalam keadaan aman, damai dan sejahtera. Mereka sedaya mungkin cuba untuk menjauhkan diri dari konflik yang boleh membawa kesan negatif dalam kehidupan bermasyarakat. Walaupun ada kalanya kita dikejutkan dengan insiden yang dilihat boleh menjejaskan hubungan antara masyarakat majmuk di negara ini, seperti isu penggunaan kalimah Allah oleh masyarakat Kristian, namun masyarakat awam di Sabah majoritinya masih mengekalkan persepsi yang positif antara satu sama lain dan percaya bahawa masyarakat yang berbeza agama dapat hidup dengan aman dan harmoni (Abd Hakim Mohad *at.al*, 2016: 77).

Kajian Ahmad Tarmizi Talib (*et.al* 2013) mengenai toleransi sosio-agama di Sabah dan Sarawak mendapati bahawa persepsi, sikap, pendapat umum, tingkah laku dan pengalaman responden terhadap toleransi sosio-agama masyarakat di Sabah dan Sarawak adalah positif. Majoriti responden menunjukkan mereka bersedia untuk bertoleransi antara agama. Hal ini sangat membantu dalam mewujudkan masyarakat yang bersatu dalam kepelbagaian.

Bagi merapatkan hubungan antara masyarakat, ramai sarjana yang menyarankan tentang mencari titik persamaan dan menghormati hak beragama semua individu dan masyarakat (Budi Winarno, 2011; Christian. W. Troll, 2009; Douglas Pratt, 2009). Christian. W. Troll (2008) dalam tulisannya *Towards Common Ground between Christians and Muslims*

memaparkan beberapa potong ayat daripada Quran dan Bible tentang perlunya kita menjalinkan hubungan yang baik dan positif. Beliau juga menyatakan bahawa Islam dan Kristian (juga Yahudi) bersetuju bahawa mereka menyembah hanya satu Tuhan, namun berbeza pandangan tentang Jesus Christ. Apa yang penting menurut beliau adalah menghormati hak tentang kebebasan beragama, yang kemudiannya turut menyentuh tentang kebebasan dalam beribadah (worship). Hal ini semuanya terangkum dalam hal berkaitan hak asasi manusia.

Hasil kajian dan tulisan yang diketengahkan boleh disifatkan sebagai perkongsian pandangan yang menyokong pembinaan kesatuan dalam kepelbagaian dalam sebuah negara masyarakat majmuk seperti Malaysia. Konsep ini lebih sesuai diaplikasikan agar tidak ada identiti etnik dan budaya yang tersisih.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan bagi mendapatkan data melalui borang soal selidik sebagai instrumen. Seramai 400 orang responden terlibat dalam kajian penyelidikan yang bertajuk “Kajian Penglibatan NGO di Sabah dalam Isu Perpaduan Nasional” (Abd Hakim Mohad *et al.*, 2017) dengan anggaran populasi melebihi 20,000 (Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, Cawangan Sabah, 2016). Bilangan sampel ini bersesuaian sebagaimana yang disarankan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Walau bagaimanapun, makalah ini melaporkan dapatan daripada salah satu segmen iaitu tentang penglibatan belia dalam program perpaduan anjuran NGO Belia yang melibatkan 100 orang responden. Prosedur persampelan berkelompok dua tingkat telah digunakan dengan membuat pemilihan secara rawak mudah dengan memilih lima NGO Belia yang aktif daripada tiga bahagian utama negeri Sabah iaitu Bahagian Pantai Barat (Kota Kinabalu dan Kudat), Bahagian Pantai Timur (Tawau dan Semporna) dan Bahagian Tengah/ Pedalaman (Keningau). Seterusnya, pengkaji memilih secara rawak 20 orang belia (10 daripadanya adalah dalam kalangan ahli NGO Belia tersebut) yang terlibat aktif dalam program perpaduan anjuran NGO Belia yang telah dipilih tersebut (Piaw, 2006). Penyelidik mengemukakan dua konstruk utama dalam mengukur penerapan elemen perpaduan masyarakat, iaitu; “Elemen Kesepaduan dalam program” dan “Elemen Perpaduan dalam program”. Pembinaan instrumen ini adalah berdasarkan kerangka konsep oleh Wooley (1998) dan Shamsul Amri (2012) sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, perbincangan kumpulan dinamik bersama pakar dan ahli NGO yang terlibat dengan program NGO. Bagi memastikan kesahan instrumen, kandungan instrumen telah disemak oleh tiga orang pakar. Pra uji dan kajian rintis turut dijalankan dan instrumen telah ditambahbaik berdasarkan maklumat yang diperolehi. Instrumen ini juga mempunyai

tahap kebolehpercayaan yang tinggi dengan nilai Alpha Cronbach ialah .947 bagi konstruk Elemen Kesepaduan dalam program NGO dan .964 bagi konstruk Elemen Perpaduan dalam program NGO dan ini selari dengan pandangan Cohen, Manion & Morrison (2011).

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini mengupas penerapan elemen kesepaduan dan perpaduan dalam program NGO Belia Sabah berdasarkan respon peserta yang terlibat dengan program tersebut. NGO Belia yang dianggap paling aktif berusaha menerapkan elemen kesepaduan dan perpaduan melalui program mereka serta perbezaan respon dalam kalangan ahli dan bukan ahli terhadap program NGO yang dijalankan. Demografi responden dalam segmen ini diringkaskan dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Profil Responden Belia Sabah

Perkara	Perincian	Bilangan (n)	Peratus (%)
Kategori NGO yang disertai secara aktif	Belia Keningau	20	20
	Belia Tawau	20	20
	Belia Semporna	20	20
	Belia Kudat	20	20
	GBBM	20	20
Status Keahlian NGO	Ahli	50	50
	Bukan Ahli	50	50
Jantina	Lelaki	78	78
	Perempuan	22	22
Umur	16-20 Tahun	18	18
	21-30 Tahun	44	44
	31-40 Tahun	38	38
Bangsa/ Etnik	Kadazan	2	2
	Dusun	23	23
	Bajau	41	41
	Rungus	1	1
	Iranun	1	1
	Orang Sungai	1	1
	Bugis	18	18
	Cina	13	13
Agama	Islam	81	81
	Kristian	5	14
	Buddha	5	14

Tahap Pendidikan	Tidak Bersekolah	3	3
	UPSR	3	3
	PMR/SRP/LCE	7	7
	SPM/MCE/"O" Level	37	37
	STPM/HSC/"A" Level	22	22
	Sijil/ Diploma	12	12
	Ijazah Sarjana Muda ke atas	16	16
Klasifikasi Pekerjaan	Kerajaan	25	36.7
	Swasta	14	33.3
	Sendiri	49	10
	NGO	1	3.3
	Pelajar	11	16.7

Jadual 1 menunjukkan bahawa responden dalam segmen NGO Belia di Sabah ini adalah sesuai dan seimbang kerana dipilih daripada setiap bahagian utama negeri Sabah, iaitu Bahagian Pantai Barat (Persatuan Gabungan Belia Bersatu Malaysia (GBBM), Kota Kinabalu dan Persatuan Belia Kudat), Bahagian Pantai Timur (Persatuan Belia Tawau dan Persatuan Belia Semporna) dan Bahagian Tengah/ Pedalaman (Persatuan Belia Keningau). Bilangan responden daripada setiap NGO juga adalah seimbang, iaitu 20% responden bagi setiap NGO. Seterusnya, keseimbangan juga terlihat daripada responden ahli dan bukan ahli NGO Belia tersebut, iaitu 50% adalah daripada kalangan ahli NGO manakala 50% lagi adalah daripada bukan ahli NGO tersebut.

Penerapan Elemen Kesepaduan dalam Program NGO Belia Sabah

Jadual 2 jelas menunjukkan elemen kesepaduan yang telah diterapkan dalam kalangan belia yang menyertai program NGO Belia di Sabah seperti berikut:

Jadual 2: Elemen Kepaduan dalam Program NGO Belia di Sabah

Elemen Kepaduan dalam Program NGO Belia	Skor Min	Sisihan Piawaian	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Agak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
Saya rasa diterima oleh masyarakat melalui program yang dijalankan oleh NGO ini.	3.72	1.005	0	15	23	37	25
Pandangan saya dihargai sepanjang program NGO ini dijalankan.	3.65	.978	0	15	26	38	21
Saya melihat penglibatan pelbagai etnik/agama dalam program anjuran NGO ini.	3.79	.967	1	10	29	33	28
Saya melihat amalan tolong-menolong dalam kalangan peserta pelbagai etnik/agama sepanjang program berjalan.	3.78	.980	0	11	28	33	28
Saya melihat amalan hormat-menghormati dalam kalangan peserta pelbagai etnik/agama sepanjang program berjalan.	3.86	.995	1	8	27	32	32
Saya mendapat peluang bergaul (interaksi) dengan masyarakat pelbagai etnik/agama melalui program yang dijalankan oleh NGO ini.	3.75	1.192	7	7	23	30	33
Saya merasakan program NGO ini dapat mengeratkan hubungan antara kaum/etnik/agama.	4.08	.800	0	0	28	36	36
Saya mengenali rakan baharu daripada pelbagai etnik/agama semasa menghadiri program NGO ini.	4.18	.903	0	3	24	25	48

Saya selesa bekerjasama dengan peserta dari etnik/agama lain ketika program dijalankan NGO ini.	3.91	.900	0	8	21	43	28
Saya ada menghubungi peserta dari etnik/agama lain selepas program NGO tersebut selesai.	3.66	.007	4	5	34	35	22
Program ini memberi ruang untuk peserta memahami kepelbagaian latar belakang etnik/agama.	4.06	.896	0	3	28	29	40
Program NGO ini menerapkan nilai kepada peserta agar menjaga sensitiviti kepelbagaian etnik/agama.	4.02	.816	0	2	26	40	32
Program NGO ini menanamkan sikap menerima kepelbagaian etnik/agama.	4.07	.977	0	6	26	23	45
Program NGO ini melibatkan kerjasama peserta berbilang etnik/agama dalam aktiviti mereka.	4.13	.860	0	1	28	28	43
Program NGO ini mendorong masyarakat membina hubungan berbilang etnik/agama.	4.16	.837	0	0	28	28	44

Jadual 2 menunjukkan elemen kesepaduan telah diterapkan ke dalam program yang dianjurkan oleh NGO Belia di Sabah. Elemen kesepaduan yang diterapkan merangkumi tiga faktor penentu bagi kesepaduan sosial, iaitu ketiadaan pengasingan sosial (item 1-5), interaksi dan hubungan (item 6-10), perkongsian nilai dan interpretasi (item 11-15). Berdasarkan Jadual 2, skor min bagi semua item dalam “Elemen Kesepaduan dalam Program NGO di Sabah” adalah antara 3.66 hingga 4.18. Skor min yang paling tinggi adalah bagi item “Saya mengenali rakan baharu daripada pelbagai kaum/etnik/agama semasa menghadiri program NGO ini” (4.18). Item ini merupakan komponen item “interaksi dan hubungan”. Hal ini menunjukkan program yang dijalankan oleh NGO Belia yang dikaji melibatkan penyertaan dari pelbagai etnik, budaya dan agama. Sifat terbuka ini memberi ruang untuk meningkatkan persefahaman antara masyarakat majmuk di Sabah. Manakala skor min yang paling rendah pula adalah bagi item “Saya ada menghubungi peserta dari kaum/etnik/agama lain selepas program NGO tersebut selesai” (3.66). Hal ini mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti kesibukan dan kurangnya kesinambungan program yang menghubungkan peserta yang sama dalam jangka masa yang panjang.

Penerapan Elemen Perpaduan dalam Program NGO Belia Sabah

Di samping penerapan elemen kesepaduan yang merupakan pra syarat kepada perpaduan sosial, kajian ini turut meneroka sama ada elemen perpaduan telah diterapkan dalam kalangan belia yang menyertai program NGO Belia di Sabah sebagaimana Jadual 3 berikut:

Jadual 3: Elemen Perpaduan dalam Program NGO Belia di Sabah

Elemen Perpaduan dalam Program NGO Belia	Skor Min	Sisihan Piawai	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Agak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
Program NGO ini memupuk rasa kesatuan sesama peserta.	4.14	.910	0	3	26	25	46
Program NGO ini menyatupadukan masyarakat berbilang etnik/agama.	4.13	.883	0	3	24	30	43

Program NGO ini menerima perbezaan etnik/agama sebagai satu kekuatan.	4.11	.886	0	3	25	30	42
Program NGO ini menjamin kesejahteraan masyarakat.	4.03	.999	0	8	24	25	43
Program NGO ini menyemai nilai hidup bersama secara harmoni.	4.20	.852	0	0	28	24	48

Jadual 3 menunjukkan elemen perpaduan turut diterapkan ke dalam program anjuran NGO Belia di Sabah. Elemen perpaduan yang diterapkan merangkumi ketiga-tiga aspek perpaduan dalam kepelbagaian sebagaimana yang dicadangkan oleh Samsul Amri (2012) iaitu rasa kesatuan (psikologi sosial), mengurus perbezaan serta mencipta identiti (antropologi) dan menyusun perbezaan untuk keamanan (ontologikal). Jadual 3 menunjukkan bahawa skor min bagi semua item dalam “Elemen Perpaduan dalam Program NGO di Sabah” adalah tinggi, iaitu antara 4.03 hingga 4.20. Data menunjukkan bahawa skor min yang paling tinggi adalah bagi item “Program NGO ini menyemai nilai hidup bersama secara harmoni” (4.20). Item ini adalah berkenaan aspek ontologikal, iaitu secara umumnya mereka yang menyertai program ini dapat saling memahami, bagi memudahkan mereka untuk mengurus dan menyusun perbezaan untuk mewujudkan keadaan yang aman dan harmoni. Manakala skor min yang paling rendah pula adalah bagi item “Program NGO ini menjamin kesejahteraan masyarakat” (4.03). Item ini juga adalah berkaitan dengan aspek ontologikal.

Perbezaan Elemen Kesepaduan dalam Proram NGO Berdasarkan Respon Belia daripada Kategori NGO Belia yang Berbeza

Bahagian ini pula meneroka sama ada terdapat perbezaan yang signifikan tentang penerapan elemen kesepaduan berdasarkan respon belia daripada NGO Belia yang berbeza dengan menjalankan Ujian ANOVA Sehalu dan Duncan Multiple Range. Hasil ujian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dengan nilai $p = 0.001$. Berdasarkan Jadual 4 di bawah, skor min yang paling tinggi adalah dalam kalangan mereka yang terlibat dengan program NGO Belia Keningau ($M = 4.280$), NGO Belia Kudat ($M = 4.236$), NGO Belia Tawau ($M = 4.063$), NGO Belia Semporna ($M = 3.606$), dan NGO Belia GBBM ($M = 3.420$).

Jadual 4: Perbezaan Elemen Kesepaduan dalam Proram NGO Berdasarkan Respon Belia daripada Kategori NGO Belia yang Berbeza

Kategori NGO Belia	Saiz Sampel	Skor Min	Statistik f	Nilai p
GBBM	20	3.420	6.705	.001**
Belia Semporna	20	3.606		
Belia Tawau	20	4.063		
Belia Kudat	20	4.236		
Belia Keningau	20	4.280		

Secara ringkas, NGO Belia Keningau adalah antara NGO Belia yang paling berjaya dalam usaha menerapkan kesepaduan sosial dalam kalangan belia.

Perbezaan Elemen Perpaduan dalam Proram NGO Berdasarkan Respon Belia daripada Kategori NGO Belia yang Berbeza

Jadual 5 pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan tentang penerapan elemen perpaduan berdasarkan respon belia daripada NGO Belia yang berbeza. Hasil ujian ANOVA Sehalu dan Duncan Multiple Range menunjukkan perbezaan yang signifikan dengan nilai p adalah 0.001. Berdasarkan Jadual 5 di bawah, skor min yang paling tinggi adalah dalam kalangan mereka yang terlibat dengan program NGO Belia Keningau ($M = 4.500$), NGO Belia Semporna ($M = 4.410$), NGO Belia Kudat ($M = 4.230$), NGO Belia Tawau ($M = 4.120$), dan seterusnya mereka yang terlibat dengan program NGO Belia GBBM ($M = 3.350$).

Jadual 5: Perbezaan Elemen Perpaduan dalam Proram NGO Berdasarkan Respon Belia daripada Kategori NGO Belia yang Berbeza

Kategori NGO Belia	Saiz Sampel	Skor Min	Statistik f	Nilai p
GBBM	20	3.350	7.230	.001**
Belia Tawau	20	4.120		
Belia Kudat	20	4.230		
Belia Semporna	20	4.410		
Belia Keningau	20	4.500		

Jadual 5 turut menunjukkan bahawa NGO Belia Keningau merupakan NGO yang paling banyak menerapkan elemen perpaduan dalam program NGO mereka. Hal ini selari dengan dapatan Jadual 4 sebelum ini.

Perbezaan Elemen Kesepaduan dalam Program NGO Berdasarkan Respon Belia daripada Kategori Status Keahlian yang Berbeza

Seterusnya, bahagian ini pula meneroka sama ada terdapat perbezaan yang signifikan tentang penerapan elemen kesepaduan dalam program NGO Belia berdasarkan status keahlian yang berbeza menggunakan Ujian T. Hasil ujian menunjukkan skor min bagi kedua-dua kategori status keahlian, iaitu (4.028) bagi ahli NGO, manakala (3.814) bagi bukan ahli NGO mempunyai perbezaan yang tidak signifikan, iaitu nilai p adalah 0.725. Hal ini kerana perbezaan yang signifikan adalah nilai $p < .05$. Ini bermakna peserta program NGO Belia yang terdiri daripada ahli dan bukan ahli memberi respon yang tidak berbeza dalam menilai elemen kesepaduan dalam program NGO yang mereka sertai. Hasil ujian diringkaskan dalam Jadual 6 seperti berikut:

Jadual 6: Perbezaan Elemen Kesepaduan dalam Proram NGO Berdasarkan Respon Belia daripada Kategori Keahlian yang Berbeza

Keahlian	Saiz sampel	Skor Min	Statistik t	Nilai p
Ahli	50	4.028	1.447	0.725
Bukan Ahli	50	3.814		

Perbezaan Elemen Perpaduan dalam Proram NGO Berdasarkan Respon Belia daripada Kategori Status Keahlian yang Berbeza

Bagi menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan tentang penerapan elemen perpaduan dalam program NGO Belia berdasarkan status keahlian yang berbeza, Ujian T digunakan sekali lagi. Hasil ujian menunjukkan skor min bagi kedua-dua kategori status keahlian, iaitu (4.204) bagi ahli NGO, manakala (4.040) bagi bukan ahli NGO mempunyai perbezaan yang tidak signifikan $p = 0.965$. Ini menunjukkan respon peserta program NGO Belia yang terdiri daripada ahli dan bukan ahli terhadap elemen perpaduan dalam program NGO yang mereka sertai adalah tidak berbeza dan selari dengan respon mereka terhadap elemen perpaduan dalam program NGO. Hasil ujian diringkaskan dalam Jadual 7 seperti berikut:

Jadual 7: Perbezaan Elemen Kesepaduan dalam Proram NGO Berdasarkan Respon Belia daripada Kategori Status Keahlian yang Berbeza

Keahlian	Saiz sampel	Skor Min	Statistik t	Nilai p
Ahli	50	4.204	0.949	0.965
Bukan Ahli	50	4.040		

Dapatan Jadual 7 menunjukkan bahawa respon belia yang terdiri daripada ahli mahupun bukan ahli NGO Belia adalah tidak berbeza. Kedua-dua

golongan belia tersebut memberikan respon yang positif iaitu program NGO Belia yang mereka sertai menggalakkan perpaduan dalam kalangan mereka tanpa mengira kepelbagaian agama dan etnik.

PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan elemen kesepaduan dan perpaduan berjaya diterapkan kepada peserta program anjuran NGO belia Sabah. Hal ini selari dengan kajian Wooley, (1998) yang mendapati NGO dapat mengukuhkan kesepaduan sosial dengan membina norma mengambil berat, bersifat prihatin dan menyumbang kepada masyarakat. Kajian ini juga mendapati bahawa elemen kesediaan untuk tolong-menolong ($M=3.78$), saling percaya mempercayai untuk hidup bersama secara harmoni ($M=4.20$) walaupun berlainan etnik dan agama. Hal ini adalah satu langkah yang baik dalam membina masyarakat yang bersatu padu sebagaimana yang disarankan oleh Jeannotte et. al (2002). Hal ini juga diakui oleh Mohaidi Abdullah (Pengerusi Persatuan Belia Keningau, 2016), Ismail Abdul Ghafar (Pengerusi Persatuan Belia Kudat, 2016) dan Abdul Mulok Mohd Yusof (Pengerusi Persatuan Belia Semporna, 2016) yang bersetuju bahawa program-program yang dianjurkan seperti gotong-royong, aktiviti sukarelawan, sukan, lawatan sambil belajar dan program kebudayaan berjaya memupuk kesepaduan dan perpaduan dalam kalangan peserta. Menurut mereka lagi elemen kesepaduan dan perpaduan boleh berjalan serentak dalam sesuatu program yang dijalankan. Hal ini bergantung kepada pengalaman dan penghayatan individu berkenaan terhadap program dan aktiviti yang diikutinya.

Kajian juga mendapati semua NGO belia yang dikaji mendapat skor yang sederhana dan tinggi dalam menerapkan elemen kesepaduan ($M=3.420-4.280$) dan perpaduan ($M=3.350-4.500$) dalam program mereka. Namun demikian Persatuan Belia Keningau mendapat skor tertinggi dalam menerapkan elemen kesepaduan ($M=4.280$) dan perpaduan ($M=4.500$). Berdasarkan temubual dengan Mohaidi Abdullah (2016), beliau mengakui bahawa program yang dijalankan sememangnya mendapat sambutan yang menggalakkan. Para pemimpin persatuan juga memberikan komitmen yang tidak berbelah bahagi dalam menjayakan program yang dijalankan. Menurut beliau lagi, pengiktirafan yang sewajarnya turut diberi kepada belia yang aktif menyumbang kepada masyarakat menerusi program “Anugerah Belia”.

Selain itu, kajian juga mendapati bahawa respon daripada ahli NGO dan bukan ahli terhadap elemen kesepaduan dan perpaduan dalam program NGO belia yang mereka sertai adalah tidak berbeza. Hal ini menunjukkan bahawa elemen kesepaduan dan perpaduan dapat dirasai dan dihayati oleh semua peserta terlibat tanpa mengira status keahlian

mereka.

KESIMPULAN

Data daripada kajian ini menunjukkan bahawa NGO Belia di Sabah turut berperanan dalam menyumbang ke arah toleransi dan perpaduan sosial dalam kalangan belia di Sabah melalui program-program yang mereka anjurkan. Hal ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada tanggapan positif terhadap masyarakat Sabah sebagai masyarakat yang toleren dan bersatu dalam kepelbagaian. Satu aspek yang boleh diberi perhatian dalam konteks peranan NGO dalam masyarakat majmuk ialah menekankan kepelbagaian etnik dan agama sebagai tunjang kekuatan sesebuah masyarakat terutama Sabah sebagai sebuah negeri yang kaya dengan pelbagai etnik dan budaya. Jika aspek ini dapat dicapai, ianya dapat memperkayakan sosio-budaya masyarakat dan seterusnya menyumbang kepada kesepaduan dan perpaduan nasional. Program-program yang memberi ruang kerjasama berpasukan yang melibatkan masyarakat pelbagai etnik sangat baik untuk difokuskan. Interaksi spontan yang berlaku dalam kalangan peserta dapat memberi kesan positif terhadap persepsi mereka tentang orang lain. Pengalaman berinteraksi secara peribadi seperti ini adalah lebih berkesan berbanding program yang bersifat menyampaikan maklumat menerusi ceramah semata-mata. Adalah diharapkan agar komitmen NGO Belia dalam melaksanakan program yang menyemai perpaduan dapat diteruskan dan dipertingkatkan lagi pada masa depan.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional yang telah membiayai kajian ini melalui Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN) di bawah projek GL00151.

RUJUKAN

- Abd Hakim Mohad *et al.* (2017). Laporan Penyelidikan, Kajian Penglibatan NGO di Sabah dalam Isu Perpaduan Nasional. Universiti Malaysia Sabah dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
- Ahmad Tarmizi Talib *et al.* (2013). Laporan Penyelidikan, Toleransi Sosio-Agama di Sabah dan Sarawak. Universiti Putra Malaysia dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
- Budi Winarno. (2011). *Isu-Isu Global Contemporer*. Yogyakarta: Center for Academic Publishing Service.
- Christian W. Troll. (2008). *Towards Common Ground between Christians and Muslims*. In Akhtarul Wasey (ed.). *Islam and the Modern Age*.

New Delhi: Zakir Husain Institute of Islamic Studies.

Christian W. Troll. (2009). A new Beginning in Muslim-Christian Dialogue. In Akhtarul Wasey (ed.). Islam and the Modern Age. New Delhi: Zakir Husain Institute of Islamic Studies, XL. No 1, 9-20.

Douglas Pratt. (2009). The World Council of Churches in Dialogue with Muslims: Retrospect and Prospect. In David Thomas (ed.) Islam and Christian-Muslim Relations. New York: Routledge. 20, (1), 21-42.

Elster J.(1989). The Cement of Society: A Study of Social Order. Cambridge: Cambridge University Press.

Fatimi Hanafi, Zulkanain Abdul Rahman & Arbaiyah Mohd Noor.(2016). Perpaduan Politik Asas Intergrasi Nasional di Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, Vol. 3(1), pp.29-54.

France Wooley.(1998). Social Cohesion and Voluntary Activity: Making Connections. Centre for the Study of Living Standards, Conference on the State of Living Standards and the Quality of Life in Canada. October 30-31, Ontario.

Hussein Haji Ahmad & Haneza. (2015). Pengurusan Pembangunan Konsep Perpaduan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan: Satu Kajian di Klang, Selangor. Selangor Darul Ihsan.

Krejcie, R.V. dan Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for Reserach Activities. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607-617.

Louis Cohen, Lawrence Manion & Keith Morrison. (2011). Research Method in Education. Edisi ke-7. London & New York: Routledge.

M. Sharon Jeannotte, Dick Stanley, Ravi Pendakur, Bruce Jamieson, Maureen Williams and Amanda Aizlewood. (2002). Buying In or Dropping Out: The Public Policy Implications Of Social Cohesion Research. Strategic Research and Analysis (SRA) Strategic Planning and Policy Coordination Department of Canadian Heritage.

Margaret P. Karns. Nongovernmental Organization (NGO). <https://www.britannica.com/topic/nongovernmental-organization>

- Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, Cawangan Sabah, (2016).
- Piaw, Chua Yan. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: Mc Graw Hill
- Razli Ahmad, Hanum Hasan dan Azuddin Bahari .(2013). Persepsi Mahasiswa Terhadap Isu-Isu Perpaduan: Kajian ke Atas Pelajar-Pelajar Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN). *Jurnal Personalia Pelajar*, 16, 15-24.
- Regina Berger-Schmitt. (2000). *Social Cohesion as an Aspect of the Quality of Societies: Concept and Measurement*, EuReporting Working paper No.14, Centre for Survey Research and Methodology.
- Robert Oxoby. (2009). “Understanding Social Inclusion, Social Cohesion, And Social Capital”, *International Journal of Social Economics*, 36 (12): 1133-1152.
- Shamsul Amri. (2012). *Modul Hubungan Etnik*, Bangi: Insitut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shamsul Amri Baharuddin Baharuddin. (2014). *Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan: Satu Negara, Satu Kata Akar, Tiga Konsep Keramat. Ucaptama, Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan: Perkongsian Pengalaman*. Institut Kajian Etnik (KITA), UKM, JPT, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)
- Wasitah Mohd Yusof, Lee Kwan Meng & Azura Abidin. (2015). *Instilling Sports Culture as Catalyst for Positive Youth Development*. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 13: 33-63.
- Temu Bual:
 Abdul Mulok Mohd Yusof, Pengerusi Persatuan Belia Semporna, 2016.
 Ismail Abdul Ghafar, Pengerusi Persatuan Belia Kudat, 2016.
 Mohaidi Abdullah, Pengerusi Persatuan Belia Keningau, 2016.

Profil Penulis:

Ros Aiza Mohd Mokhtar, PhD

Pusat Pengajian Teras
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
Universiti Sains Islam Malaysia
71800 Nilai
Negeri Sembilan, Malaysia.
rosaiza@usim.edu.my

b

Pusat Pengajian Teras
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
Universiti Sains Islam Malaysia
71800 Nilai
Negeri Sembilan, Malaysia .
abdhakim@usim.edu.my

Aiedah Abdul Khalek, PhD

Faculty Arts and Social Sciences
Monash University Malaysia
47500 Bandar Sunway
Selangor, Malaysia.
aiedah.khalek@monash.edu

Sarjit S. Gill, PhD

Jabatan Sains Kemasyarakatan & Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor
43400, Malaysia.
sarjit@upm.edu.my

Ahmad Tarmizi Talib, PhD

Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor
43400, Malaysia.
tarmizi@upm.edu.my

FACTORS AFFECTING YOUNG PEOPLE'S TO USE PUBLIC OPEN SPACE AT DATARAN CENTRIO SEREMBAN 2, NEGERI SEMBILAN

MOHAMAD AZRIN BIN RAMLI, NORHUZAILIN HUSSAIN & MOHD KHER HUSSEIN

ABSTRACT

Public open space is a main component of urban space that caters the urban public life daily. In Malaysia, the number of open spaces that are gazetted by the local authority is increasing in line with the rapid development of new areas. Indeed, public open spaces, such as parks and green spaces appear to be key built environment settings that provide opportunities for a variety of physical activity. However, not all public open spaces are equally effective in promoting physical activities. The existing public open space is still lacking of appropriate space for young people to do physical activities. This area is given less emphasis on young people because it was designed for various type of people. Young people as they are energetic and eager to explore new experience, they need some space to spend their leisure time and to express themselves with the activities. This study attempts to answer these questions by carrying out survey using questionnaire to explore factors that affect the use of public open space as place for physical activities and to recommend measures for improving the use of public open space for physical activities. In order to answer these objectives, survey was conducted among a random sample of young people (n=100) who visited Dataran Centrio, Seremban 2. Data collected was analysed using SPSS 19 and the result showed the activities the young people that are engaged in and factors that influenced them to use the space for physical activities. The study found that most of the respondents preferred to do physical activities because of the facilities provided.

Keywords: *Public Open Space; Physical Activities; Urban Area, Young People, Attracting Places*

ABSTRAK

Ruang terbuka awam adalah komponen utama ruang bandar yang memenuhi keperluan kehidupan harian bandar. Di Malaysia, jumlah ruang terbuka yang diwartakan oleh pihak berkuasa tempatan meningkat sejajar dengan perkembangan pesat kawasan-kawasan baru. Malah, ruang terbuka awam, seperti taman dan ruang hijau menjadi kunci kepada pembangunan alam bina yang memberi peluang kepada pelbagai aktiviti fizikal. Walau bagaimanapun, tidak semua ruang terbuka awam berkesan dalam mempromosikan aktiviti fizikal. Ruang terbuka awam sedia ada tidak mempunyai ruang yang sesuai untuk golongan muda melakukan aktiviti fizikal. Kawasan ini kurang memberi penekanan kepada golongan muda kerana ia direka untuk semua golongan. Golongan muda merupakan golongan yang bertenaga dan bersemangat untuk mencuba perkara baru, mereka memerlukan

ruang yang bersesuaian untuk menghabiskan masa lapang dan melakukan aktiviti-aktiviti mereka. Kaji selidik telah dijalankan terhadap responden untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi penggunaan ruang terbuka awam sebagai tempat untuk aktiviti fizikal dan mencadangkan langkah-langkah bagi meningkatkan penggunaan ruang terbuka awam untuk aktiviti fizikal. Bagi mencapai objektif ini, satu tinjauan menggunakan soal selidik telah dijalankan di kalangan responden golongan muda ($n = 100$) yang melawat Dataran Centrio, Seremban 2. Data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan SPSS 19 dan dapatan menunjukkan aktiviti yang terlibat dan faktor yang mempengaruhi mereka untuk menggunakan ruang untuk aktiviti fizikal. Kajian mendapati kebanyakan responden lebih suka melakukan aktiviti fizikal kerana kemudahan yang disediakan.

Kata Kunci: Ruang Terbuka Awam, Aktiviti Fizikal, Kawasan Perbandaran, Golongan Muda, Tempat Menarik

INTRODUCTION

Public open space is a main component of urban space that caters to the urban public life daily. The amount of green space in a neighbourhood is significantly correlated with the health of its residents (Maas, Verheij, Groenewegen, De Vries, & Spreeuwenberg, 2006); (Villanueva *et al.*, 2015). Public open spaces give more benefits in promoting health by relieving mental fatigue (Kaplan, 2001), reducing mortality rate (Mitchell & Popham, 2008), promoting physical activities (Koohsari *et al.*, 2015) and decreasing stress levels (Nielsen & Hansen, 2007). Therefore, providing high-quality public open space should become priority in urban planning (Schipperijn *et al.*, 2010). In Malaysia, the number of open spaces that are gazetted by the local authority increase in line with the rapid development of new areas. It will continue to increase as the guidelines of open spaces development are finalized. These guidelines required that is necessary for any development of new areas to allocate ten percent of the development as open space and should handed over to local authority (Planning, 2013).

Indeed, Bedimo-Rung, Mowen, and Cohen, (2005) reported that various of physical activities such as recreational walking and playing sports will appear in consequences of public open spaces, such as parks and green spaces, which becomes a key-environment setting. Findings from Planning (2011) showed that public open space may increase recreational activities of users. Tzoulas, *et al.* (2007) also reported a similar finding in North America and other parts of the world that more activities in public open spaces bring health benefits to urban residents.

However, not all public open spaces are equally effective in promoting physical activities. Similarly, Marzuki, Karim & Latfi (2012) also found that the existing public open space does not meet the young

people's need. A thorough understanding of the key characteristics that encourage urban residents to use urban public open space is important for planning and managing these spaces. Surveys of people who use public open spaces revealed a wide range of influencing factors, including the quality of shade and vegetation (Chen, Liu, & Liu, 2016), adequacy of facilities (Shi, Gou, & Chen, 2014), accessibility of public spaces (Abbasi, Alalouch, & Bramley, 2016), safety concerns (Yung, Conejos, & Chan, 2016), and maintenance and management (Abbasi, Alalouch, & Bramley, 2016b). Surveys also showed that the social context determined by demographic factors (Sugiyama, Francis, Middleton, Owen, & Giles-Corti, 2010) and the socio-economic backgrounds of users (Low, Taplin, & Scheld, 2009) had a strong influence on the use of public open spaces.

Currently in Malaysia, the existing public open space is still lacking of appropriate public open space for young people to do physical activities. Young people in this paper are defined as "that person between the ages from 15 to 24 years" (Lim, W., 2011). This area is given less emphasis on young people because public open space was designed for various types of people. The young people are energetic and eager to explore new experience; they need some space or place to spend their leisure time and to express themselves with the activities. Rapid development for public open space has been increasing, but the design preferred by several of user groups is still vaguely uneven. For instance, young people found a large group of public open space, yet are largely ignored. Many open space areas today are not well designed to meet the needs and preference of young people's behaviour. This study focussed on the basic understanding of the relationship between public open spaces feature and their usage. Nevertheless, due to limited time and resource the survey has been conducted on a selected site including a small number of participants which affected may affect the generalization of findings.

The objectives of this study are 1) to determine the type of physical activities in which young urban in Seremban 2 normally engaged in at public open space; 2) to explore the factors that affect the use of public open space as place for physical activities.

LITERATURE REVIEW

Public Open Space Definition

There are various definitions of open space although the word is used widely in everyday life. A variety of terms such as streets, green areas, parks, plaza and many more can be listed under this part of space. In addition, diverse terms are found in literature, policies and legislations that are used to define public open space.

Several authors for instance Oldenburg (1989), Carr, Rivline, & Stone, (1992) and Beck (2009) had define public open space based on their perspectives. The Town and Country Planning Act (Amendment) 1995, Act (A933) in Section 2 (f) defined open space as: “whichever land that is either bordered or not that has been specialized or reserved fully or only a fraction as a public botanical garden, public park, sport field and public recreational”. In addition, Marzuki *et al.* (2012) in her study defined public open space as “a pavement or public park or public open space to carry out distinctive or collective activities” (pg. 458).

Use pattern of Public Open Space

In designing public open space, a major problem is to understand users’ needs and expectations. Francis, (2003) in his book said that there are four categories of users’ needs in public open space which are passive & active engagement, comfort, relaxation, discovery and fun. In addition, Project for Public Space (2000) reported that accessibility, comfort and sociability may influence user to visit public open space. Gehl (2007) in his study found that high-quality, safety and functionality are the important factors that need for well-design open space.

Another major issue in designing public open space is quality of public open space. Gehl (2007) reported that outdoor activities can be categorised into three types which are necessary, optional and social activities. Necessary activities occur when people do them nevertheless the environmental condition of public open space. Optional activities are generally related to pleasure and self-fulfillment; physical condition of open space that attract them to do. Meanwhile social activities are those activities that required interaction between people. Recently nevertheless people have changed their lifestyle into optional activities from necessary activities. Gehl (2007) found that quality open space become priority to communities in assisting interaction between them. In addition, positive impact on social, economic and environmental value will be achieved in consequences of high quality and well managed open space. CABE (2005) added that well design public open space benefit users whereas poorly managed and maintained would affect the surrounding area negatively. Gehl (2007) in other hand argue that necessary activities occur when public open space in poor condition. Nonetheless, positive activities such as busking or playing music will occur when public open space in good quality.

Beside the users’ needs and quality of open space, there is related literature which is focuses on relation between people behaviour and spatial structure of built environment. This idea introduced by Hillier and Hanson (1984) known as Space Syntax theory. Several quantitative measures of how spaces are connected to each other have been developed with space

“Integration” being the most important one. Hiller (1985), Hillier (1993) and Ozer and Kobart (2007) reported that strong relationship between open space integration value and density of people in the space with more visible and more accessible spaces encourages more movement and activities, whereas segregated spaces are less inviting. In fact, Alalouch and Aspinall (2007) found that space syntax measure are related not only people behaviour but also perception. In summary, the three main components that influence use pattern which has discussed above are shown in Figure (1).




Figure 1: A framework measuring public open space and physical activities

Measuring public open space related physical activity

Impact of public open space toward physical activities can be categorised into three ways. First, public open space can be a venue for physical activities where people engage. Second, public open space can be a place to which people actively travel either to be active or simply to socialise. Finally, public open space can be used as part of a route to pass through to reach another destination (e.g., passing through a greenway to reach a shop) or as part of a recreational walk or running route. Hence public open space can contribute to various type of physical activities behaviour. For example, public open space as a thoroughfare is related to active travel, as a destination to either active travel or recreational physical activity, or public open space as a setting might be related to recreational walking or cycling, running, formal or informal sport, or children’s active play. To date, few studies have attempted to understand the variety of ways public open space influence physical activity, or used context- and behavior-specific physical activity measures to examine relationships between public open space attributes and physical activity (Coombes *et al.*, 2013; Dunton *et al.*, 2014).. Exploring physical activity related to public open space will help strengthen the evidence about the variety of ways public open space influences specific types of physical activity, thereby enabling urban designers and landscape architects to design public open space that target specific physical activity behaviors.

METHOD

The Case Study

The case study in this research is Dataran Centrio Seremban 2, Negeri Sembilan. It is a public open space surrounded with commercial and residential area. A 6.5 acre public open space was selected because the area becomes attraction for young people to spend their time with physical activities. The development of Seremban 2 consist of multiple range of developments such as affordable apartment, super-link houses and semi-detached houses also exclusive gated bungalows. Now, Seremban 2 become home to state government and local authorities which comprises residential communities, schools, park and many more.



Figure 2: Dataran Centrio (Point A) at the center surrounded by commercial and residential area

(Source: Urban and Regional Planning Department, Seremban Municipal Council)

Questionnaire Survey

In addition to theories and precedents from literature review, this study used a questionnaire survey to discover the factors influence use of public open space in urban area for physical activities. The data collection was conducted by administering a questionnaire which consists of structured and open ended questions with approximately 16 questions. The questionnaire consisted of three sections as follow: (1) users' profile; (2) the type of activities engaged in the public open space; and (3) the perception about public open space for physical activities. The measurement of the perception of the use of public open space for physical activities used a 3 point Likert scale ranging from "1" for disagree "2" for neither agree

